

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil. 49

Hari Khamis

16 Oktober 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bernama (Pindaan) 1997 (Ruangan)

Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997 (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N.,
S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin
Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin
Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S.,
D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M.
(Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S.
(Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz,
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P.,
D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri
Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K.
(Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
(Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A.,
S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P.
(Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar
Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S.,
K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh,
D.P.M.P. (Gopeng)

- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S.
(Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M.
(Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P.,
A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N.,
P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

“ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

“ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

“ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

“ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

“ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

“ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

“ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

“ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

“ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

“ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

“ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

“ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

“ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

“ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)

“ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

“ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

“ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

“ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

“ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

“ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

“ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

“ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

“ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

“ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

“ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

“ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

“ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat :	Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.
Penolong Setiausaha Kanan :	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha :	Haji Mustakin bin Selamat
:	Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 16 Oktober 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

UNIVERSITI TENAGA NASIONAL -
KEMASUKAN PELAJAR BUMIPUTERA

1. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Pendidikan:

- (a) adakah menjadi dasar Universiti Tenaga Nasional mengehendkan kemasukan pelajar bumiputera di universiti tersebut kepada 55.6% sahaja atau bumiputera tidak mampu membiayai wang persekolahan mereka yang dikatakan tinggi; dan
- (b) bilakah masanya kementerian akan mewujudkan kuota pengambilan pelajar bumiputera di semua 282 institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) memandangkan masa kini dilaporkan hanya terdapat kira-kira 5% sahaja penuntut yang menuntut di IPTS tersebut dan bagaimana caranya kementerian menangani masalah kewangan dan minat pelajar bumiputera yang ingin meneruskan pengajian mereka di IPTS.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji

Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) tidak mengehendkan kemasukan pelajar bumiputera ke universiti kepada 55.6% sahaja. Adalah menjadi sasaran UNITEN untuk meningkatkan bilangan pelajar bumiputera kepada kadar yang lebih tinggi. Yuran yang dikenakan oleh UNITEN untuk program-program yang ditawarkan adalah jauh lebih rendah daripada kos sebenar. UNITEN juga sedang berusaha untuk mendapatkan penaja atau punca kewangan dalam bentuk biasiswa serta pinjaman untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan membiayai kos pengajian mereka.
- (b) Kementerian Pendidikan belum bercadang mewujudkan kuota untuk kemasukan pelajar bumiputera ke institusi pengajian tinggi swasta. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk menggalakkan pelajar bumiputera memasuki IPTS. Penubuhan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional akan memberi kesan ke arah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kini terdapat 415 buah IPTS di seluruh negara termasuk 50 yang dimiliki 100% oleh bumiputera. Jumlah penyertaan pelajar bumiputera ialah 22% dan bukan 5%.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah Tabung Pendidikan Nasional yang ditubuhkan baru-baru ini dapat membantu penuntut-penuntut bumiputera yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke IPTS di negara ini dan apakah kriteria yang digunakan bagi seorang penuntut itu layak menerima bantuan atau pinjaman dari tabung tersebut.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pendidikan Nasional ini dijangka menambah bilangan penyertaan pelajar-pelajar bumiputera di IPTS kerana punca kekurangan pada masa sekarang ini ialah kurang kemampuan pelajar-pelajar bumiputera. Oleh itu, dengan pinjaman yang dapat disediakan ini, dijangka jumlahnya akan dapat ditingkatkan.

Mengenai kriteria yang akan ditentukan, ini akan diumumkan secara detail dalam sedikit masa lagi. Walau bagaimanapun, jumlah mereka yang layak adalah meluas, meliputi semua anak kepada kakitangan kerajaan, daripada KSN sehingga serendah-rendahnya dan saya kira termasuk anak Ahli-ahli Yang Berhormat semua layak mendapat pinjaman daripada Tabung Pendidikan Nasional ini.

KES CETAK ROMPAK - LANGKAH MENGATASI MASALAH

2. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk menangani cetak rompak yang semakin berleluasa berapa kes cetak rompak yang didapati sehingga setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan peka bahawa kegiatan cetak rompak yang tidak dibendung boleh menjejaskan ekonomi negara dan seterusnya imej negara dari pandangan dunia. Dalam hubungan ini, kementerian sentiasa bertindak tegas bagi membasmi aktiviti tidak sihat ini. Di antara langkah-langkah yang diambil bagi menangani isu ini ialah:-

- (i) menganggotai pertubuhan, konvensyen dan perjanjian antarabangsa mengenai harta intelek dan pada masa yang sama menyempurnakan obligasi negara di bawah pertubuhan, konvensyen dan perjanjian itu;
- (ii) mengambil tindakan ke atas setiap aduan yang diterima;
- (iii) mengadakan kemudahan untuk tuan punya harta intelek membuat aduan;
- (iv) membantu tuan punya hakcipta dan industri berkaitan bertindak secara kolektif dalam mentadbir hakcipta bagi membanteras kegiatan cetak rompak dan peniruan barangan;
- (v) menubuhkan Pasukan Petugas Anti Cetak Rompak dan Peniruan Barangan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dijalankan; dan

- (vi) melaksanakan program dan aktiviti bagi mempertingkatkan kesedaran orang ramai mengenai hakcipta dan harta-harta intelek lain.

Aktiviti-aktiviti ini adalah dijalankan secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1 Disember 1987 hingga 30 September 1997, kementerian telah bertindak ke atas 5,080 kes berhubung dengan pelanggaran Akta Hakcipta 1987 yang melibatkan penyitaan salinan langgaran dan peralatan berkaitan bernilai kira-kira RM31.97 juta. Bagi tempoh yang sama juga, sebanyak 1,487 kes telah dihadapkan ke mahkamah dan selesai dibicarakan dengan dikenakan hukuman dengan berjumlah RM1,423,111.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan promosi konsep MSC yang begitu hebat oleh Perdana Menteri kita di antarabangsa dan untuk mengekalkan imej MSC dan negara kita, apakah garis panduan yang komprehensif dan bermakna untuk membezakan cetak rompak dengan cetak kegunaan sendiri di bidang komputer.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, orang yang menjual salinan langgaran karya hakcipta atau menyewa, membuat tanpa kebenaran dari tuan punya hakcipta, inilah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hakcipta 1987 dan jika adalah untuk kegunaan sendiri misalnya fotostat salinan buku untuk kegunaan tertentu, ini tidak merupakan satu kesalahan. Jadi, ini adalah perbezaan di antara kedua-dua ini.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah dalam tempoh sembilan bulan tahun ini, berapa aduan yang telah diterima oleh kementerian mengenai cetak rompak ini dan adakah semua aduan ini telah diambil tindakan dan mana satu negeri yang banyak terlibat dalam kegiatan cetak rompak ini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kluang kerana selalu memberi perhatian ke atas masalah cetak rompak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini iaitu dari 1 Januari hingga bulan September, kementerian ini telah menerima sebanyak 410 kes aduan dari tuan punya hakcipta dan saya berasa bangga kerana semua kes aduan ini pun telah berjaya diambil tindakan dengan jumlah nilai rampasan sebanyak RM10,030,600 dan negeri yang paling banyak melakukan kegiatan cetak rompak adalah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan dengan kes aduan sebanyak 115 dan yang kedua adalah negeri Selangor dengan kes sebanyak 58.

KRISIS MATA WANG - DIALOG PM DENGAN PENGURUS DANA ASING

3. **Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Kewangan menyatakan hasil siri dialog Perdana Menteri yang beliau adakan dengan para pengurus dana asing baru-baru ini dalam usaha memulihkan keyakinan mereka terhadap pasaran modal dan derivatif tempatan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertanyaan mengenai perkara yang sama turut dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus pada 12

November 1997, saya memohon menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sesi dialog yang diadakan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan pengurus-pengurus dana asing adalah bertujuan memaklumkan bahawa krisis pasaran mata wang dan pasaran saham negara di samping menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.

Dalam usaha memulihkan keyakinan pengurus-pengurus dana asing terhadap pasaran modal negara, pihak kerajaan telah menerangkan mengenai asas ekonomi negara yang kukuh serta berupaya untuk mengatasi kesukaran yang dialami ketika ini, di antaranya ialah kadar pertumbuhan negara, kadar inflasi serta kadar faedah yang kekal rendah berbanding dengan negara-negara serantau.

Laporan yang telah dikeluarkan oleh Bank Dunia di perjumpaan tahunan Bank Dunia dan IMF di Hong Kong baru-baru ini menjangka kadar pertumbuhan Malaysia akan kekal di antara 7% hingga 8%, manakala Filipina, Korea Selatan dan Indonesia berada pada tahap 5% hingga 7% bagi tahun 1997.

Sesi dialog itu berupaya menarik minat pelabur-pelabur asing dan masing-masing menyatakan minat mereka untuk melabur di Malaysia. Kerajaan sentiasa komited kepada program pembangunan pasaran modal

termasuk program liberalisasi pasaran dan kerajaan tidak bercadang membuat sebarang perubahan polisi berkaitan pelaburan dana asing.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada kementerian sedar atau tidak, walaupun dalam sesi dialog tersebut, pengurus-pengurus dana asing ini dilaporkan sebagai memberikan respond yang agak positif terhadap jaminan yang diberikan oleh pihak kerajaan, tetapi ada di antara mereka setelah keluar daripada dialog tersebut memberitahu setengah-setengah akhbar bahawa mereka tidak dapat sesuatu yang baru daripada dialog itu dan secara sinis mengatakan tidak ada jaminan yang boleh memikat mereka.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa soalnya?

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Orang yang datang itu, bila dia keluar daripada dialog itu, dalam itu dia kata, menurut laporan yang kita terima daripada kenyataan para pemimpin kita, mereka memberikan respond yang baik. Tetapi bila mereka ini keluar kenyataan yang dikeluarkan adalah sebaliknya, mereka memberikan kenyataan yang agak cynical terhadap jaminan yang kerajaan berikan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, banyak orang di dalam keadaan krisis sebegini mengharapkan kerajaan kita mengadakan sesuatu yang baru dan satu perkara yang mereka harapkan ialah supaya kita menaikkan kadar faedah. Kita ada pros dan cons, dengan izin, di

dalam hal menaikkan kadar faedah, sehingga sekarang percakapan ahli-ahli ekonomi di dalam pasaran meminta supaya kita menaikkan kadar faedah dan mereka mengatakan bahawa dengan kenaikan kadar faedah ini kedudukan mata wang Ringgit akan lebih kukuh. Tetapi, kita pun ada agenda kita, persoalan mata wang Ringgit sepertimana yang saya jawab kelmarin, hanya satu sahaja faktor daripada banyak faktor yang akan menentukan pertumbuhan ekonomi.

Jadi, di sini sebagai satu kerajaan yang mempunyai agenda ekonomi dan sosialnya sendiri, perlulah melihat perkara ini dengan secara holistiknya, secara keseluruhan.

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat meminta apa yang mereka percakapkan, inilah yang mereka percakapkan, yang mereka minta supaya kita naikkan kadar faedah dan ini disokong oleh banyak ahli-ahli ekonomi. Tetapi, ada juga ahli-ahli ekonomi yang mengatakan kita harus memandang apa prioritas yang dipegang oleh Kerajaan Malaysia sendiri.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa tidak ada perubahan dasar dari segi dasar yang ada sekarang, tetapi apakah kerajaan memikirkan akan mengubah sedikit dasar ke arah supaya pelabur ini terpikat ataupun lebih menarik kepada keadaan kita sekarang, misalnya mengubah supaya insentif yang lebih menarik, bukan sahaja pasaran modal tetapi perkara lain misalnya dalam soal industri dan perkhidmatan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya ialah mengenai dengan dialog Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai dengan kejatuhan, keruntuhan BSKL. Mengenai insentif industri telah pun banyak dan Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum lebih banyak daripada lain-lain negara tetapi kalau hendak dipercakapkan mengenai dengan insentif untuk BSKL banyak insentif telah pun wujud dan sebenarnya dari segi logik, tarikan daripada fundamental Syarikat BSKL itu sendiri pun dapat menarik.

Jadi, sekarang ini persoalannya adalah persoalan sentimen dan juga persoalan kehilangan keyakinan yang sepatutnya tidak hilang. Dan fundamentals syarikat-syarikat di dalam BSKL adalah kuat dan ini dikawalselia oleh Security Commission dengan rapi.

KEJATUHAN HARGA PASARAN SAHAM

4. **Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]** minta Menteri Kewangan menyatakan fakta-fakta yang menyebabkan kejatuhan harga saham dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan sejauh manakah tindakan yang diambil oleh kerajaan dapat memulihkan pasaran harga saham.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertanyaan mengenai perkara yang sama turut dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seputeh iaitu Soalan Nombor 5 pada hari ini dan Sri Aman pada hari ini juga Soalan No. 31, Parit Buntar pada 20 Oktober dan 8 Disember, Sibu pada 20 Oktober, Bukit Bintang pada 21 Oktober, Sandakan pada 5 November, Tenom pada 6 November, Tuaran pada

11 November dan Petaling Jaya Selatan pada 13 November, saya mohon menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ketidakstabilan dalam mata wang Ringgit serta mata wang-mata wang lain di rantau ini turut menjejaskan pasaran saham negara. Pelabur-pelabur terutamanya pelabur asing terus menjauhkan diri dari pasaran kerana bimbang terhadap ketidakstabilan mata wang Ringgit serta volutality yang berterusan terutamanya dalam keadaan kecairan pasaran mata wang yang semakin tipis.

Kerajaan menyedari krisis yang melanda pasaran saham dan justeru itu beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dirangka bagi mengatasi masalah tersebut. Setakat ini jumlah kerugian yang dialami oleh negara berikutan kejatuhan nilai Ringgit masih belum dapat ditafsirkan.

Secara kasarnya kejatuhan Ringgit yang menghampiri 25% berbanding dengan Dolar Amerika akan menyebabkan kos mengimport barangan luar negeri dan kos pembiayaan hutang luar negeri meningkat. Dan ini secara langsung akan membebankan pengeluaran tempatan kecuali jika pengeluar-pengeluar tempatan telah melindungi risiko turun naik Ringgit.

Bagi pengeksport walaupun harga barangan Malaysia di pasaran antarabangsa telah menjadi lebih kompetitif, kenaikan kos pengeluaran akan menjejaskan keuntungan pengeluar. Nilai pasaran ataupun dengan izin, market

capitalization BSKL pula telah mengalami kejatuhan sebanyak 32% atau RM275.14 bilion di antara 28 Mac hingga 30 September 1997.

Pasaran saham telah mengalami kejatuhan berterusan yang teruk akibat krisis mata wang. Pakej kewangan sebanyak RM60 bilion serta arahan kerajaan supaya pelabur tempatan menjual saham pada harga yang lebih tinggi daripada yang diperolehi pelabur-pelabur asing, sedikit sebanyak telah berjaya menghalang harga-harga saham daripada terus menjunam dan seterusnya berada pada paras yang lebih stabil.

Namun begitu, kerajaan setakat ini tidak dapat menjamin dan menentukan keberkesanan jangka panjangnya itu kerana kehadiran pelbagai faktor luaran yang boleh mempengaruhi tindak-tanduk pasaran. Pakej kewangan sebanyak RM60 bilion sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah merupakan antara langkah bagi memulihkan keyakinan pelabur-pelabur ke atas pasaran saham negara.

Pakej kewangan itu merupakan stand by facility sahaja iaitu hanya akan digunakan jika keadaan benar-benar memerlukannya. Buat permulaan sebanyak RM3 bilion sahaja iaitu RM1 bilion daripada terbitan bon benchmark oleh Khazanah Nasional Berhad telah digunakan manakala sejumlah RM2 bilion lagi daripada KWSP akan digunakan. Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk menyokong pasaran secara amnya dan tidak bertujuan membantu menyelamatkan mana-mana individu secara khusus. Pakej ini

diumumkan supaya tidak menggugat sentimen pasaran yang kini beransur pulih.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, sebenarnya tiada sebarang pindaan ke atas peraturan-peraturan pasaran saham yang sedia ada dan peraturan-peraturan itu dari mulanya meletakkan suatu tahap budi bicara kepada Bursa Saham untuk mengambil tindakan sewajarnya jika keadaan luar biasa berlaku di pasaran saham negara.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di antara faktor luaran yang saya rasa boleh diambil kira adalah satu tindakan dua rating agency iaitu Standard and Poor dan moody yang meletakkan Malaysia kepada satu kadar credit rating yang rendah. Apakah di antara asas-asas yang menyebabkan tindakan ini dilakukan.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, satu kaedah untuk menentukan rating ataupun kedudukan kredibiliti ataupun credit voltanus, dengan izin, sesebuah negara itu ialah pinjaman yang diberi kepada pihak private sector dan public enterprises dengan izin, dan pihak Standard and Poor telah menggunakan ini sebagai petunjuk yang membimbangkan keadaan kewangan negara iaitu mereka mengatakan bahawa satu pertumbuhan ataupun satu lonjakan yang besar iaitu pada tahun 1994 pinjaman yang diberi kepada pihak swasta dan juga enterprise kerajaan iaitu perdagangan ataupun

perniagaan kerajaan adalah 124% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Pada tahun ini (1997) ianya melonjak kepada 170% dan ini digunakan sebagai satu perkara, satu kedudukan yang mendedahkan kewangan negara menerusi institusi kewangan seperti bank-bank. Jadi, mereka mengadakan pendedahan yang sungguh besar. Ini akan membawa risiko yang banyak, apabila risiko banyak, keadaan unsustainable akan berlaku.

Kita mengatakan bahawa ini adalah dari segi kaedahnya ianya betul tetapi pihak Standard and Poor lupa bahawa di dalam pembangunan ekonomi Malaysia, transformasi ataupun peralihan dibuat iaitu tanggungjawab untuk membangun ekonomi Malaysia diubah kepada pihak private sector dengan banyak. Pihak kerajaan hanya menumpukan kepada regulatory service. Jadi, apabila ini ditolak kepada private sector yang banyak, maka perlulah diberi pembiayaan ataupun financing kepada private sector. Jadi, inilah lonjakan yang banyak daripada 124% kepada 170% daripada KDNK (GDP).

Kalau pihak Standard and Poor meneliti keseluruhan kedudukan Malaysia, apabila ini berlaku, ia tidak nampak bahawa hutang luar negara kita menurun dengan mendadak. Apabila hutang luar negara menurun mendadak, khususnya hutang kerajaan yang debt service ratio hanya 1.1% dan juga hutang negara hanya 27% daripada KDNK. Jadi, kalau ini naik, ini turun, kedudukannya kalau disamaratakan kedudukan kewangan negara memang tidak membimbangkan kerana transformasi inilah yang menunjukkan seolah-olahnya

kita terdedah, tetapi ia tidak melihat bahawa hutang, the national debt, hutang negara turun mendadak, iaitu hutang kerajaan sedikit sahaja hanya 1.1% debt service rationya dan debt service ratio untuk negara keseluruhannya hanya 6% sahaja. Ini adalah kedudukan yang tidak dilihat oleh Standard and Poor.

Dan yang lagi satu digunakan persoalan kerajaan mewujudkan RM60 bilion sebagai usaha untuk menyelamatkan BSKL. Ini pandangan yang salah kerana RM60 bilion sepertimana yang saya katakan tadi hanya merupakan stand by facility, ianya digunakan bila perlu tetapi dengan kestabilan BSKL sekarang, ianya tidak mungkin digunakan sepenuhnya. Jadi, inilah snap shot yang diambil oleh Syarikat Standard and Poor dan melihat secara tidak adil tentang kedudukan kewangan negara.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah keuntungan ataupun risiko terhadap KWSP jika wangnya digunakan untuk menstabilkan harga saham dalam BSKL.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan wang KWSP pada permulaan sebanyak RM2 bilion adalah pinjaman kepada Khazanah Nasional dan pinjaman ini diguarantee oleh pihak kerajaan dan pulangnya saya diberitahu pulangnya melebihi 8%.

Jadi, segala ciri-ciri keselamatan itu telah pun diwujudkan oleh pihak kerajaan. Jikalau RM2 bilion ini perlu digunakan untuk menstabilkan BSKL.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, ada peluang lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, perkara ini mustahak. Krisis kewangan, krisis utama negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa pihak pembangkang dinafikan hak untuk bertanya soalan mengenai perkara ini? Satu isu utama di negara kita dan dunia. Saya mahu minta peluang untuk kemukakan soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Inilah dia!

Tuan Lim Kit Siang: Ha, inilah sikap. Negara akan melihat sikap ini.

PERUNTUKAN RM60 BILION UNTUK PASARAN SAHAM

5. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Kewangan menyatakan dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad memperuntukkan RM60 bilion untuk menyelamatkan pasaran saham, adakah kejatuhan pasaran saham berada dalam keadaan sangat buruk. Sila nyatakan apakah ianya memberi jaminan bahawa harga pasaran saham tidak akan jatuh supaya meyakinkan pelabur-pelabur selepas peruntukan RM60 bilion ini diumumkan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab Soalan Nombor 5, jadi, kalau Yang Berhormat Ketua Pembangkang hendak bertanya, dia boleh bertanya sekarang. *[Ketawa][Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kalau Ahli Yang Berhormat hendak bertanya soalan tambahan, silakan dan saya bersedia menjawabnya sekarang. Jangan marah kepada sayalah, saya hendak beri. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia ini tidak sabar.

Seorang Ahli: Sebab itu dia kalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia melenting cepat. Ya, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, perkara bukan sabar atau tidak sabar. Isu krisis kewangan, rakyat tidak boleh sabar lagi. Tuan Yang di-Pertua, boleh sabar, boleh main-main, rakyat tak boleh sabar! Bukankah benar, bahawa masalah pokok dalam krisis kewangan, krisis ekonomi ialah masalah kepercayaan di mana sekarang semua usaha kerajaan kini tidak berjaya untuk memulihkan kepercayaan yang dibayangkan dalam banyak laporan media massa asing yang semacam dalam *Washington Post* 13 Oktober hari Isnin di bawah tajuk *Malaysia Stop Off Leader, Prime Ministers Public Outburst, Shake Markets, Weaken Currency* di mana antaranya ada kata, “*each time Mahathir speaks these days, the markets at home react - negatively.*”

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya minta izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Soal terus Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu sahaja. “*Malaysia’s currency the Ringgit tumbles and stocks continue their downward slide*”.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Ini dibayangkan bahawa kita tidak berjaya - main-main, apa guna datang ke sini, we support Dr. Mahathir, ini bukan masalah, masalah bukan 'We Support Mahathir', masalah ialah untuk memulihkan kepercayaan kepada ekonomi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Balik kepada tajuk. Balik kepada soalan ya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan ialah bahawa sampai sekarang kita tidak berjaya untuk menangani isu memulihkan kepercayaan yang dibayangkan dalam laporan-laporan yang unfavourable, apabila favourable kita 'quote' di sini, unfavourable tak mahu dengar, apa Dewan yang mulia ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib!

Tuan Lim Kit Siang: Dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri*[Pembesar suara dimatikan]*.

Seorang Ahli: Duduklah, apa ini?

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa laporan-laporan ini semua perlulah mendapat perhatian yang serius oleh kerana ini akan mempengaruhi

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Lim Kit Siang: Ha, ini puppet, puppet tidak gunalah - boneka! masalah utama ialah untuk memulihkan kepercayaan pelabur-pelabur sama ada luar negeri atau tempatan mengenai ekonomi dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

Beberapa Ahli: Apa soalan?

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyatakan sama ada rancangan untuk tabung ini sebanyak RM60 bilion untuk membeli saham daripada orang tempatan dengan premium yang menyebabkan lagi kejatuhan keyakinan sudah diketepikan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib! Beri peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi menyebut sendiri bahawa masalahnya ialah masalah keyakinan. Kerajaan menerima hakikat itu - masalah keyakinan. Satu daripada cara untuk menyelesaikan masalah keyakinan ialah supaya kita beraksi dan mengambil tindakan dengan tenang, bukan secara histeria. *[Tepuk]*

Jadi, termasuk kerajaan dan juga pembangkang, kita mengambil tindakan yang logical, yang mengikut kaedah tertentu, inilah yang kerajaan lakukan. Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat mengenai dengan komen dari *Washington Post*, dia mengatakan ada correlation di antara apa yang

dipercakapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kejatuhan Ringgit dan juga nilai saham.

Ingin saya nyatakan bahawa Presiden Suharto tidak pernah bercakap apa, Fidel Ramos pun tidak pernah bercakap apa, Chavalit pun tidak pernah bercakap apa tetapi Korea, Czechoslovakia tak pernah bercakap apa, tak pernah memaki George Soros, tak pernah mengkritik kerajaan Barat ataupun media Barat, tetapi mata wang mereka jatuh macam itu juga.

Jadi, persoalan apa yang dikatakan oleh *Washington Post* itu tidak betul, tidak ada correlation [*Tepuk*] di antara apa yang Dr. Mahathir cakap dengan kejatuhan dan juga kita melihat banyak masalah, kalau Ahli Yang Berhormat baca betul-betul Laporan *Washington Post*, *New York Herald Tribune* dan lain-lain lagi, macam mereka mengatakan bahawa the fundamentals of Malaysian economy smelly, smelly di mana yang dikatakan 'smelly' itu?

Kita punya pertumbuhan tinggi. Kalau kawan itu tak tahu apa itu fundamental economic, memang dia tak tahu, dia bercakap 'through his nose not through his mouth'. [*Tepuk*] Jadi, dia kata 'smelly', di mana yang 'smelly'. Yang lemah sedikit hanya current account deficit kita sahaja yang boleh diatasi tahun hadapan. Mungkin kita akan dapat atasi pada tahun hadapan dan pada tahun ini pun ianya pada kadar 5.5% daripada KDNK dan ini kalau di bawah 5% kita jangka insya-Allah tahun hadapan 4.5% ianya akan berada di dalam satu range yang selamat.

Jadi, yang lain, kita punya rizab luar negara kuat, kita punya hutang negara rendah, kita punya inflasi rendah, semuanya kuat. Apa yang dimaksudkan dengan the fundamentals of Malaysian economic is smelly, maksudnya dia membohong. Jadi, kalau kita percaya orang-orang Barat seperti ini, bermakna kita dijajah dari segi pemikiran. *[Tepuk]*

Yang kedua, mengenai dengan tabung RM60 bilion, tabung ini adalah satu usaha untuk macam Ahli Yang Berhormat katakan tadi, mesti kita memulihkan keyakinan dalam pasaran dan ini adalah satu usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memulihkan keyakinan dalam pasaran.

Sepertimana yang saya katakan tadi, mungkin ianya telah dengan izin, telah di'overcome by event' sekarang ini, kemungkinan ianya tidak perlu digunakan keseluruhannya, ianya hanya stand by facility sahaja. Pada tahap ini, hanya benchmark bond yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional hanya dipakai, yang RM2 bilion KWSP itu belum lagi dipakai.

Jadi, Ahli Yang Berhormat jangan bimbanglah, kita tidak akan pakai keseluruhannya kalau ianya tidak perlu dipakai. Hanya stand by facility yang kita pakai sekarang dan Alhamdulillah, setakat ini pada hari ini kita melihat pemulihan pasaran saham yang mana komposti indeks sedang meningkat dan juga keyakinan, kita semua mesti menunjuk keyakinan yang lebih daripada orang luar.

Tuan Lim Kit Siang: Buy back facility?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Buy back facility oleh

Tuan Lim Kit Siang: Local. Belum laksanakan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu pun di bawah rancangan RM60 bilion. Belum lagi dilaksanakan kerana mungkin ianya tidak perlu dilaksanakan. Jadi, announcement yang dibuat itu adalah untuk mendapatkan semula keyakinan.

Sekarang dengan tidak melakukannya sudah ada keyakinan, jadi, Alhamdulillah, thanks God for it. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tidak ada correlation. Kalau tidak ada correlation, tidak ada syarat asas kewangan atau ekonomi untuk mereka mengeluarkan kenyataan tentang Yang Berhormat Perdana Menteri kita, saya hendak bertanya adakah mereka ini ada agenda lain iaitu agenda politik.

Mereka tidak senang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, mereka tidak senang dengan negara kita menyuarakan suara-suara yang kadang-kadang mungkin pada mereka menghalangi strategic interest mereka. Adakah ini agenda yang sebenarnya media asing ini. Saya amat tabek kepada beliau menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi saya takut

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya boleh soal sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Soalan saya, adakah DAP ini takut dia terbawa dengan agenda asing ini. Ini sahaja, pada peringkat awalnya tidak, takut dia lupa sahaja, tidak dia bukan ejen, tetapi hendak bertanya sahaja, takut dia terlupa dengan perkara ini sebab mereka ini, saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Dato' Timbalan Menteri sedar atau tidak bahawa media asing ini ada agenda lain. Tak perlulah kita terbawa dengan ulasan mereka dan tohmahan mereka ini. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ini terkeluar daripada soalan asal. *[Ketawa][Tepuk]*

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya amat sangat sayang Yang Berhormat Perdana Menteri kitalah. Tentang memulihkan keyakinan terhadap pasaran saham, apakah kita boleh memulihkan keyakinan terhadap kejatuhan pasaran saham yang begitu buruk sekali,

Seorang Ahli: 'Loli buluk'.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, suara tepian itu saya rasa tak perlu.

Tuan Liew Ah Kim: Pertanyaan atau hujah-hujah semua orang tahulah, yang sebenarnya peruntukan sebanyak RM60 bilion ini bukanlah untuk tujuan menyelamatkan pasaran saham, sebaliknya adalah hendak menyelamatkan diri sendiri, adakah ini kalau memulihkan keyakinan itu

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Liew Ah Kim: Bagaimana kementerian yang berkenaan dapat menjalankan tugas atau program untuk mempertahankan imej Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana ada khabar-khabar angin ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan apa Yang Berhormat?

Tuan Liew Ah Kim: Soalnya apa cara untuk membersihkan ataupun memberhentikan hujah-hujah ataupun rumours yang telah pun disebar pada hari ini, mesti mahu mengambil tindakan, usaha diambil untuk mempertahankan imej Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. *[Pembesar suara dimatikan.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Seputeh, kawan saya daripada Seputeh. Cara-cara Yang Berhormat nyatakan telah pun diambil oleh pihak kerajaan, cuma kalau Ahli Yang Berhormat bertanya saya cara-cara tambahan, saya minta semua Ahli Pembangkang dan semua Ahli Yang Berhormat tadi keluar sat lagi dan bubuh 'We Support Dr. Mahathir' di atas kereta masing-masing. *[Ketawa]*

Dan Ahli-ahli sahabat-sahabat saya daripada Parti Islam sembahyang hajat, minta macam orang UMNO pun sembahyang hajat, merata sembahyang

hajat supaya dapat kita menyelamatkan negara kita yang sedang diancam oleh skema-skema luar ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu walaupun tak masuk tadi apa yang ditanya Ahli Yang Berhormat dari Rompin tadi ini, mungkin apa yang dimaksudkan dengan agenda luar. Kalau kita melihat macam CNN, apa perlu yang dia tunjuk balik kembali Peristiwa 13 Mei 1969 kalau tidak ada agenda?
[Tepuk]

Apa perlu? Jadi, mengapa yang harus mereka tunjuk dan mereka selalu di forum-forum antarabangsa, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, daripada pihak kerajaan menghadiri CPA, menghadiri IPU, menghadiri UN Meetings semuanya mereka mempercakapkan tentang keadilan di dalam bidang ekonomi. Jikalau Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir selama 16 tahun membina ekonomi Malaysia sehingga kini dan mereka datang dalam sehari meruntuhkannya, ada kalau Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir hendak maki hamun mereka pun tentu kita kata, rasionalnya tentu ada, kalau hendak memaki Morrison sekali pun. Kerana orang-orang kumpulan inilah yang merosakkan apa yang kita bina. Jikalau apa yang mereka bercakap, perjuangan mereka untuk menolong negara-negara membangun, mengapa direstui perbuatan Soros ini. Kalau Soros buat kepada Britain, Soros buat kepada Itali - tak apa, tetapi mengapa direstui perbuatan Soros kepada negara-negara yang sedang membangun, yang mula hendak mengecapi kenikmatan

pembangunan ekonomi. Jadi, inilah kalau ada pun, saya tak kata ada, tetapi nampaknya ada.

Tuan Yang di-Pertua, kepada negara kita, sengaja pengkhianatan diwujudkan ke atas negara kita yang telah kita bina dari 13 Mei 1969 dahulu, kita telah bina satu negara yang elok berasaskan kepada nation building. Jadi, dengan sekelip mata mereka menunjuk balik kesemuanya, mesti ada agenda.

Jadi, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin tadi adalah relevan. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak tanya lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak!

Tuan Lim Kit Siang: Mahu sokongan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak. *[Ketawa]*

KERJA LIMA HARI SEMINGGU - CADANGAN

6. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan kerja lima hari seminggu tanpa mengurangkan waktu bekerja seminggu yang sedia ada bagi membolehkan waktu bekerja seminggu yang sedia ada bagi membolehkan cuti hujung minggu pada hari Sabtu dan Ahad supaya lebih banyak masa dapat dimanfaatkan bersama keluarga dalam usaha memantap dan mengukuhkan semula institusi keluarga yang semakin longgar dan dalam suasana kemelut sosial yang gawat ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan kerja lima hari seminggu kerana sistem

kerja sekarang adalah sesuai dan tidak menyekat kesuburan institusi keluarga, malahan ianya memberi masa yang sewajarnya untuk mengukuhkan institusi tersebut.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kajian telah dilakukan mengenai keperluan dari segi institusi keluarga dan juga perbelanjaan kerajaan untuk menggunakan lima hari seminggu supaya bukan sahaja keluarga dapat berinteraksi dengan keluarga, anak-anak mereka tetapi kerajaan juga mungkin menjimatkan perbelanjaan dari segi penggunaan electricity dan kegunaan transportation awam. Adakah wajar dengan tanpa kajian, kerajaan tidak mahu mempertimbangkan hal ini, oleh kerana di samping institusi keluarga, ia juga mungkin dapat menggalakkan pelancongan tempatan kalau dilaksanakan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang telah membuat kajian di atas kemungkinan atau tidaknya institusi keluarga itu diperbaiki dengan mengurangkan hari kerja. Tetapi, sukacita saya maklumkan bahawasanya kalau kita kurang daripada lima hari sekalipun waima sekalipun kalau tiga hari sahaja kita suruh bekerja, empat hari lagi cuti, kalau keluarga itu tidak pandai mengurus masa, tidak menyedari bahawa memelihara keluarga dan anak-anak itu adalah amanah daripada Tuhan, umpamanya tidak bertanggungjawab, saya rasa tidak ada wujud institusi keluarga. Dan pada hemat kerajaan satu hari setengah adalah mencukupi kalau sesuatu keluarga itu ataupun pemimpin keluarga itu tahu menjurus atau

mengurus masa dan bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penjimatan, kalau sekiranya kita ringkaskan kepada lima hari sekalipun, dari segi bil elektrik, kita akan tetapkan tempoh masanya tetap sama, lima hari itu bermakna masa adalah masih sama, jadi, pada hemat saya tidak nampak logik kita dapat membuat penjimatan apa-apa tenaga di situ.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah perkembangan cadangan masa kerja fleksibel yang telah dilaksanakan secara peringkat percubaan di sebahagian jabatan kerajaan baru-baru ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat satu percubaan kepada sistem apa yang kita panggil, sistem waktu bekerja berperingkat ataupun WBB iaitu di mana jabatan-jabatan yang terlibat ialah Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Eksais, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan sistem ini mengizinkan pekerja-pekerja, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan memilih waktu masuk ke pejabat dan bekerja dalam tempoh masa yang ditetapkan dan yang mana masuk awal boleh balik awal, yang mana masuk kemudian boleh kembali kemudian dan Jabatan Perkhidmatan Awam merasakan percubaan itu sangat memuaskan dan dilaporkan kemajuannya kepada Kabinet mungkin akan diminta satu kajian

ataupun membuat cadangan agar ianya dapat dipertimbangkan kepada jabatan-jabatan dengan lebih meluas lagi.

KORIDOR MULTIMEDIA - PERLUASAN

7. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan usaha kerajaan untuk menyediakan rangkaian yang boleh memperluaskan koridor multimedia ke seluruh negara pada abad yang akan datang bagi memastikan teknologi ini benar-benar dikuasai dan menyeluruh penggunaannya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, infrastruktur telekomunikasi yang menghubungkan negeri-negeri di tanah air dengan MSC adalah bersesuaian dan memadai untuk menerima maklumat dan menikmati perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di MSC. Buat masa ini, kerajaan memberi tumpuan kepada pembangunan rangkaian di MSC untuk menentukan kejayaannya dari aspek penguasaan teknologi dan penggunaannya.

Walau bagaimanapun, rangkaian sedemikian akan diperkembangkan ke seluruh negara menjelang 2020. Rancangan kerajaan akan dimaklumkan sewajarnya mengikut fasa-fasa pembangunan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam menyediakan rangkaian infrastruktur MSC, berapa peratus barangan dan teknologi adalah dari tempatan dan apakah rancangan kementerian untuk memastikan kita ada program transfer technology, jika kita menggunakan alat dari negara luar.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberitahu dengan tepat percentage ataupun peratusan teknologi asing dan tempatan yang berkaitan dengan mewujudkan rangkaian di MSC, tetapi saya akan memberitahu secara bertulis.

Untuk memastikan bahawa mereka khususnya dari asing bila beroperasi di MSC supaya dapat memindah teknologi kepada syarikat tempatan, kita akan mendapat jaminan daripada mereka secara bertulis baru kita akan menganugerahkan status MSC kepada syarikat-syarikat asing ini dan selepas lima tahun kita akan menjalankan satu all take untuk memastikan pemindahan teknologi ini benar-benar berlaku baru kita akan melanjutkan insentif yang lain selama sepuluh tahun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan ada satu rancangan dan kalau ada apa sasaran, bila untuk mewujudkan satu rangkaian nasional, satu grid fiber nasional di mana semua setiap rakyat boleh dihubungkan kepada satu infrastruktur telekomunikasi yang terkini atau di mana boleh kata negara boleh mencapai satu matlamat fully wired, adakah satu target di mana lain-lain negara ada bila national telecommunications grid fiber dan lain-lain.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sejak hujung tahun 1994, kerajaan melalui Telekom Malaysia Berhad (TMB) telah pun menjalankan satu projek yang dikenali sebagai Core Network For Broadband Service, dengan izin, di mana kita harap sampai tahun 2000 dengan

adanya satu network yang dikenali sebagai STH di mana transmission mode, di mana kita akan memakai 155 megabyte second sampai 2.53 byte per second di mana untuk kegunaan high usage trunk network ini dan ini telah pun disediakan dan sekarang kita sudah masuk stage yang kedua di mana kita telah pun, dengan izin, reconfigure, sistem ini untuk kegunaan Broadband Service dengan menggunakan Asynchronous Transfer Mode (ATM) dan dengan ini dengan menggunakan ATM ini di merata tempat di negara kita, kita harap pada tahun 2000 pelbagai Broadband services termasuk high speed, termasuk high speed least line for LAN (Local Area Network) introduction, video conferencing, interactive multimedia service dan sebagainya akan dapat digunakan oleh rakyat di seluruh negara.

Selain daripada itu, susah bagi kita menjadi seluruh rakyat wired melalui sistem ini. Kita akan menggalakkan di bandar-bandar yang kecil khususnya satu pusat akan diwujudkan di mana rakyat boleh pergi ke pusat ini untuk menggunakan segala servis yang dibekalkan ini untuk mengendalikan kerja-kerja mereka, misalan kata E-mail ataupun electronic commerce dan berhubung dengan pihak kerajaan.

8. **Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan.

*[Soalan No. 8 - Yang Berhormat Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan
[Keningau] tidak hadir]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan.

[Soalan No. 9 - Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan [Bandar Kuching] tidak hadir]

**LEBUH RAYA KARAK-KUANTAN-TERENGGANU
PENANGGUHAN PROJEK MEGA**

10. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Perdana Menteri menyatakan adakah projek-projek lebuhraya, Karak, Kuantan dan Terengganu (Pantai Timur Semenanjung) terlibat dalam pembekuan akibat langkah kerajaan baru ini menangguhkan projek-projek mega akibat kejatuhan Ringgit Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan ke atas perjanjian konsesi bagi penswastaan Lebuhraya Karak-Kuantan-Kuala Terengganu telah pun dimaklumkan dan kerajaan pada masa ini sedang meneliti kesesuaian tarikh pelaksanaan projek ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebahagian daripada usaha untuk menangguhkan semua projek mega, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan memastikan bahawa semua projek mega ini yang akan ditangguhkan bolehlah diumumkan kepada orang ramai, supaya apabila pengumuman ini dibuat sekurang-kurangnya orang ramai akan tahu dan tidak akan ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan perkara ini kerana ada beberapa cadangan di mana projek-projek mega sungguhpun dikatakan belum ditentukan ditangguhkan atau tidak tetapi masih ada usaha untuk menarik perhatian peniaga-peniaga.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat projek-projek mega ini telah pun diumumkan kepada orang ramai.

Tuan Lim Guan Eng: Peringkat negeri.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Peringkat negeri tidak adalah.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada!

Tuan Lim Guan Eng: Peringkat negeri belum diumumkan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah diumumkan, macam kata pertamanya, Linear City kemudian Bakun, kemudian Highway, Norton Airport.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bukan peringkat Kerajaan Pusat tetapi dalam peringkat negeri.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak adalah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu yang dia maksudkan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Projek mega, maksud projek mega ialah projek besar.

Tuan Lim Guan Eng: -Tetapi ada projek peringkat negeri yang bersifat mega, adakah ini bermakna bahawa tidak ada sebarang projek mega peringkat negeri yang terjejas, kalau ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia telah jawab dah.

Tuan Lim Guan Eng: So, tidak ada, di Kedah pun tidak terjejas?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak!

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam perjanjian yang akan ditandatangani kelak, adakah kerajaan akan lebih meneliti supaya perjanjian ini kelak tidak memihak kepada pemegang konsesi yang akan diberikan kelak kerana kerajaan telahpun terlibat dengan perjanjian dan memberi konsesi kepada PLUS. Akhirnya akibat daripada kerajaan pada ketika itu tidak berhati-hati, akhirnya PLUS menaikkan harga dari semasa ke semasa. Jadi, adakah konsesi ini juga akan berulang sepertimana perjanjian yang telah ditandatangani antara kerajaan dengan pihak PLUS?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil kira yang terbaik untuk semua, bukan sahaja untuk pihak kerajaan tetapi juga untuk semua pihak. Tetapi kita semua sedia maklum iaitu kadangkala bersabit daripada kenaikan-kenaikan yang tidak

dapat diduga dan oleh kerana memang ada dalam perjanjian itu keputusan untuk dinaikkan tol maka kita tidak boleh elak sebab kita kena tahu iaitu bahawa membina lebuh raya ini bukan satu perkara yang mudah dan bukan satu perkara yang membelanjakan wang yang sedikit, kita menswastakan projek ini dan perbelanjaan yang besar dan kita kena ambil kira kepentingan mereka yang mendapat konsesi itu. Tetapi kita memberi jaminan di sini iaitu bahawa tidak mungkin kita sengaja membenarkan kenaikan tol itu melainkan kalau ianya sangat-sangat diperlukan.

PERUMAHAN UNTUK GURU - PROGRAM PENSWASTAAN

11. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin)** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sejauh manakah masalah perumahan untuk guru-guru telah dapat diatasi oleh Kerajaan ; dan
- (b) apakah kemajuan program penswastaan dalam mengatasi masalah perumahan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) Sebanyak 23,400 unit rumah guru telah dibina di seluruh negara sehingga berakhirnya Rancangan Malaysia Keenam. Kerajaan telah merancang untuk membina 28,092 unit rumah guru di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekiranya semua projek rumah guru dapat disiapkan pada tempoh yang ditetapkan, masalah rumah

guru di kawasan yang dikenalpasti sebagai amat kritikal dapat diatasi pada akhir Rancangan Malaysia Ketujuh.

- (b) Kerajaan telah bersetuju supaya sebanyak 20,000 buah daripada 28,092 unit rumah guru yang dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dilaksanakan secara penswastaan. Projek ini akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu sebanyak 10,000 unit bagi setiap fasa.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pembinaan rumah-rumah guru terdapat kadang-kadang di suatu kawasan ataupun daerah itu lebih daripada 10 buah sekolah. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk membina satu kompleks rumah guru-guru supaya guru-guru ini akan dapat tinggal bersama antara satu sama lain dan mengembangkan masyarakat perguruan yang ada di situ dan di samping dapat bergaul dengan masyarakat di persekitaran. Jika ada, bilakah kaedah ataupun konsep ini akan dilaksanakan, dan kalau tidak, adakah kementerian berpendapat bahawa sistem membina rumah-rumah yang sedia ada ini lebih ekonomik dan sebaliknya?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan Kementerian Pendidikan dan dalam rancangan kita membina rumah guru kita bercadang bahawa rumah guru itu dibuat secara kompleks rumah guru supaya kompleks itu boleh dikongsi oleh guru-guru dari beberapa buah sekolah berdekatan. Bagi bandar juga di mana terdapat rancangan pemaju perumahan baru, Kementerian Pendidikan akan berbincang dengan pihak pemaju itu

supaya sebahagian daripada rumah-rumah yang dibina supaya boleh disewa oleh Kementerian Pendidikan supaya ia boleh dijadikan sebagai kompleks rumah guru.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telahpun suntuk.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8,9 dan 12 hingga 38 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI LUAR PESISIR LABUAN 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengawalselia sekuriti di Labuan, penubuhan suatu kemudahan bagi menyenaraikan sekuriti itu pada suatu data dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh.

Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[9 Oktober 1997]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Parit Buntar diminta sambung.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka bangun atas apa?

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Peraturan Mesyuarat?

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan Mesyuarat 9(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: 9(6). Sebutkan Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: *“Setiausaha tertanggunglah ke atasnya menyimpan buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, rekod-rekod, Rang Undang-undang dan lain-lain surat yang telah dibentangkan dalam Majlis*

Mesyuarat dan ini hendaklah terbuka boleh ditengok oleh ahli-ahli mesyuarat dan orang-orang lain mengikut apa-apa aturan yang dibenarkan oleh Tuan Yang di-pertua.”

Tuan Yang di-Pertua, ada satu sticker di sini dan saya hendak bertanya siapakah yang memberikan kuasa supaya sticker ini diedarkan dan ini adalah diedarkan oleh pihak mana? Adakah sticker ini mengikuti undang-undang kerana ia adalah haram kerana kalau kita ikut undang-undang mesti ada sebut nama pencetak dan penerbit tetapi ia tidak dinyatakan langsung. Saya harap bahawa pihak Tuan Yang di-Pertua bolehlah buat satu ruling dan kalau ia haram, ia harus ditarik balik dan dibetulkan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu Peraturan Mesyuarat 9(6) iaitu saya rasa kalau dibaca dengan teliti hanya risalah-risalah ataupun rekod-rekod yang dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat ini hendaklah terbuka dan ditengok. Itu tidak ada masalah, Yang Berhormat. Itu tidak timbul. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu lain. Yang Berhormat mempertikaikan sama ada apa yang ditunjukkan tadi itu sudah dapat kelulusan ataupun restu dari pihak yang berkenaan. Itu dia perkara yang berhubungan. Jadi, Peraturan Mesyuarat ini saya rasa kurang tepat.

Tuan Lim Guan Eng: Perkara ini ialah semua urusan adalah di bahawa tanggungjawab Setiausaha. Sebab itu saya hendak tanya siapakah yang

meluluskan dan memberikan kuasa untuk mengedarkan sticker ini yang tidak tahu dari pihak mana kepada Ahli-ahli Parlimen. Kalau perkara ini boleh diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen, tentu ada satu pihak yang meluluskannya. Kalau ia daripada Jabatan Perdana Menteri kita hendak tahu kerana tidak tertulis di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya faham itu.

Tuan Lim Guan Eng: Jadi ini adalah salah di sisi undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah, Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat cuba hendak bangkitkan perkara ini dengan tanda tanya tetapi saya rasa kalau hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat tadi itu kurang tepat. Yang Berhormat boleh bangkitkan bila-bila sahaja, Yang Berhormat. Itu saya tidak ada halangan, cuma Peraturan Mesyuarat sebab apa dibangkitkan itu saya kena buat ruling. Itulah keputusan saya.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya dapat bantuan daripada Tuan Yang di-Pertua, boleh tahu siapa yang luluskan pengedarannya dan adakah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa itu tidak ada hubung kaitnya. Itupun bukan kerja Kerusi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana kalau Tuan Yang di-Pertua tidak tahu, ini diedarkan secara haram dan saya rasa ini tak patut dilakukan dalam Dewan yang mulia ini dan ini haram kerana tak ada nama penerbit dicetak....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Cukup jelas, Yang Berhormat, cuma satu sahaja saya hendak beritahu Yang Berhormat, perkataan ‘haram’ jangan digunakan sewenang-wenangnya. Saya rasa perkataan sedemikian bukan perkataan yang manis. Jadi, keputusan mengenai Peraturan Mesyuarat 9(6) saya sudah buat, itu keputusan saya.

Tuan Lim Guan Eng: Okay. Kalau begitu, bolehkah saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 8?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sila sebutkan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: *“Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris.”*

Di sini bahasa Malaysia, kerana Tuan Yang di-Pertua tadi cakap di luar tak tahu tentang sticker ini. Adakah ini mendapat kelulusan Tuan Yang di-Pertua kerana ini dalam bahasa Inggeris, bukan dalam bahasa rasmi.

Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang [Kuala Pilah]:
[Bangun]

Tuan Abdul Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu, Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, nanti, sabar, Yang Berhormat,

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat, biar saya buat keputusan. Kalau Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat hendak dibangkitkan, silakan nanti. Nanti dahulu, satu demi satu. Kalau hendak dibangkitkan Peraturan Mesyuarat 8, saya rasa jauh sekali sebab bahasa pengantar, bahasa Dewan, itu tidak pernah dipertikaikan. Dan lagi pun apa yang tertera di risalah itu saya rasa itu tidak sepatutnya dijadikan bahan pertikaian. Umpamanya, katakanlah Yang Berhormat tiba-tiba terima satu surat yang tertulis bukan dalam Bahasa Kebangsaan, takkan Yang Berhormat hendak mempertikaikan bahasa Dewan. Itu bukan bahasa Dewan dan lagi pun itu bukan risalah Dewan

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh dapat satu lagi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Apa lagi, Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Kerana apa-apa yang diedarkan saya rasa adalah satu risalah rasmi. Kalau ia adalah satu risalah rasmi, ia harus dibuat dalam bahasa Malaysia, kecuali mendapat kelulusan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua tidak tahu tentang risalah ini. Ini saya akan menggunakan perkataan ‘haram’ kerana Tuan Yang di-Pertua tidak tahu dan tidak ada nama penerbit dan pencetak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sebagai seorang ahli yang sudah lama berkhidmat di sini, takkanlah Yang Berhormat tak erti. Biasanya kalau sesuatu itu bersabit dengan Persidangan Parlimen maka ianya ada perkataan ‘Kertas Statut’ atau sebagainya. Jadi, saya rasa tidak boleh dipertikaikan perkara ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ini tidak ada kaitan dengan Parlimen, macam mana ia boleh diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian kepada Point of order....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang keberapa?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tadi apa yang dibangkitkan berkenaan Peraturan Mesyuarat 8 dan 9 oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada kena mengena. Mengikut point of order 43 keputusan Speaker adalah muktamad. Kalau perbuatan Ahli Yang Berhormat itu berulang-ulang kali, ambil tindakan di bawah Point of order 44. Saya fikir kita jangan membuang-buang masa kerana yang dibangkitkan itu tidak ada kena mengena dengan urusan Dewan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, memang saya rasa.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Saya rasa Yang Berhormat dari Kota Melaka ini jangan membuang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah, Yang Berhormat. Yang Berhormat, ini nasihat sayalah. Yang Berhormat setiap kali pun terima juga kad jemputan, takkan kad jemputan itu pun hendak dijadikan bahan pertikaian, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, itu kad jemputan ialah daripada jabatan Kerajaan - rasmi, tetapi itu bukan rasmi. Itu tidak ada cap Kerajaan langsung! Saya pun tak tahu siapa yang edar. Kalau hantu-hantu yang edar, itu yang kita takut!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jauh sangat ni!

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya tahu siapa yang edarkan? Sekurang-kurangnya kita dapat tahu siapa yang edarkan sticker ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini secara mendadak ni!

Tuan Lim Guan Eng: Kalau Tuan Yang di-Pertua tak tahu, saya rasa itu perkara serius, siapa yang edarkan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ada had batasnya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 20.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: 20. Sebutkan.

Tuan Lim Kit Siang: 20(1) - "*Risalah-risalah mesyuarat hendaklah dibawa ke dalam mesyuarat hanya oleh Tuan Yang di-Pertua atau oleh seorang Menteri atau pengerusi Jawatankuasa dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha.*"

Saya mahu satu ruling sama ada ini antara risalah-risalah mesyuarat (papers of the House). Kalau bukan, apa bentuknya, adakah ini dapat kelulusan supaya diletak sebagai risalah-risalah mesyuarat tanpa printer, tanpa publisher, langgar undang-undang dan adakah ini mahu satu risalah yang dibentang oleh sesiapa. Kalau bukan risalah, kenapa boleh diletak di setiap meja Ahli Parlimen dan bukankah ini patut dipungut balik supaya satu siasatan diadakan

kenapa risalah yang tidak sah ini, ini bukan surat, ini bukan kad di mana Jabatan Parlimen menjadi medium, tak tahu apa risalah ini. Sebab itu inilah kita perlu tahu kenapa perlu ini. Kalau mahu, bukankah lebih baik satu usul kepercayaan kepada Perdana Menteri dibentang dalam Dewan ini. Bukan dengan ini! Bolehkah Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling mengenai perkara ini, ini contempt risalah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya akan buat keputusan. Ini bersabit dengan Peraturan Mesyuarat 20 yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat dari Tanjong, saya rasa ‘risalah’ kita sedia maklumlah biasanya dalam bentuk apa. Ini tidak ada kena mengena dengan risalah. Ini yang pertama. Yang keduanya rasa saya, walaupun demikian biasanya Kerusi atau Yang di-Pertua tidak menegah mana-mana pihak ataupun mana-mana ahli terutamanya ahli kita di sini menyampaikan surat, kad jemputan ataupun lain-lain yang bukan official, yang bukan rasmi. Itu saya rasa tidak ada halangan langsung dan ini tidak sepatutnya dijadikan pertikaian sebab ini bukan official, bukan risalah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya sudah jawab, sudah buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti bahawa kita pun boleh cap apa-apa bentuk risalah dan letak di meja “Sokong Ong Tee Keat”, bolehkah?

“Sokong Ong Tee Keat”, taruh gambar Ong Tee Keat, kata “Sokong Ong Tee Keat”, bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, walaupun contoh ini saya rasa kurang wajar dan tidak sepatutnya membabitkan Kerusi tetapi kalaulah Yang Berhormat dari Tanjong hendak berbuat demikian, apa salahnya Yang Berhormat! *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat dari Parit Buntar diminta sambung.

3.47 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sambung, saya cukup kagum tengok poster ini, gambar tokoh yang tertera dalam poster ini dan saya ingin teruskan perbincangan ini untuk bercakap tentang satu international conspiracy terhadap manusia ini yang didukung melalui media asing.

Sebenarnya serangan media asing terhadap negara kini khususnya dan para pemimpin kita bukan satu perkara yang baru. Ia telah bermula sejak awal tahun 1970-an setelah berlakunya peristiwa 13 Mei tahun 1969. Ketika itu pelbagai serangan dihadapkan kepada pemimpin Malaysia termasuklah semasa itu Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak dan antara ramalan-ramalan yang dibuat terhadap negara ini ialah negara ini akan hancur lebur selepas mencapai kemerdekaan hanya beberapa tahun sahaja iaitu selepas

kemerdekaan Malaysia pada tahun 1963. Tetapi apa yang berlaku selepas itu membuktikan bahawa ramalan-ramalan ini telah meleset dan mereka senyap sekejap.

Sampailah pula kepada peristiwa kemerosotan ekonomi dalam tahun 1984 hingga tahun 1986, sekali lagi serangan dibuat. Di kala itu media-media asing yang dipelopori oleh *Far Eastern Economic Review* dan *Asiaweek* yang berpusat di Hong Kong meramalkan bahawa Dr. Mahathir Mohamad, tokoh ini, akan membawa Malaysia ke satu era yang sama dengan Myanmar. Apa jadi sekarang? Ramalan ini sekali lagi meleset dan kita berjaya membangunkan negara ini dan mengekalkan tahap pertumbuhan ekonomi pada kadar lebih daripada 8% berturut-turut selama lebih 8 tahun.

Malangnya sekarang kita menghadapi krisis kewangan sedikit dan sekali lagi mereka mengambil kesempatan atas kelemahan ini untuk menyerang sekali lagi dan kalau kita bandingkan pengalaman-pengalaman masa lalu, saya rasa serangan kali ini adalah yang terhebat sekali dan strategi yang digunakan pada kali ini lebih 'coordinated'. Saya rasa ini adalah hasil daripada perancangan yang telah mereka lakukan sejak 30 tahun dahulu.

Kalau kita ingat dalam usaha mereka yang terlibat dalam conspiracy ini, saya tak tahu siapa di belakang conspiracy ini, tetapi buktinya telah jelas, dalam tahun 1960-an mereka gunakan para pelajar persendirian yang menuntut di seberang laut, mereka racuni fikiran pelajar-pelajar ini dan antara pelajar-pelajar ini sekarang ada yang balik ke negara ini dan memegang jawatan-

jawapan penting. Saya tidak tahu sama ada ada yang jadi Ahli Dewan tetapi kebanyakannya telah memegang jawatan penting.

Kemudian, mereka juga gunakan wartawan-wartawan termasuklah wartawan-wartawan tempatan dan dalam tempoh tahun 1970-an dan 1980-an ada di antara kedutaan-kedutaan di negara ini yang cuba 'woo' wartawan-wartawan yang mereka anggap boleh digunakan terutama sekali mereka yang agak kritikal terhadap kerajaan. Mereka akan dijemput untuk melawat sambil belajar ataupun menghadiri kursus-kursus atau seminar-seminar di negara-negara tertentu. Sebenarnya kita sendiri tidak tahu siapakah atau badan apakah yang membiayai kegiatan ini tetapi yang jelas ialah di dalam semua seminar ini fikiran mereka diracuni secara halus dengan tujuan supaya mereka marahkan establishment dan yang selalu menjadi target kepada rancangan ini ialah wartawan-wartawan yang kritikal terhadap kerajaan yang mereka anggap boleh dibentuk fikiran mereka.

Saya sendiri semasa jadi wartawan dulu pernah didekati oleh orang-orang yang saya panggil 'agen-agen' ini untuk melawat ke beberapa negara dan ditawarkan tiket penerbangan Kelas Pertama, kadang-kadang sampai sebulan, everything paid for, dengan izin, tetapi mungkin oleh kerana latar belakang saya sebagai bekas seorang pemimpin pelajar yang mereka anggap saya boleh diperalatkan tetapi, alhamdulillah, saya telah berjaya menolak tawaran ini tidak kurang dari lapan kali dan saya tahu ada di antara kawan-kawan saya yang menerima tawaran ini dan sekarang telah menduduki tempat-tempat terpenting

dalam organisasi media tempatan. Saya tidak tahu sama ada mereka sedar atau tidak bahawa mereka sebenarnya sudah menjadi mangsa kepada gerakan ini. Saya beranggapan bahawa pergerakan ini yang dibuat dalam bentuk yang begitu licin adalah lebih bahaya daripada kegiatan subversive international yang berlaku pada zaman perang dingin dahulu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sahabat saya dari Parit Buntar - saya 'Parit Sulong', dia 'Buntar' *[Ketawa]* - adakah beliau sedar bahawa sejak tahun 1992 terdapat beberapa strategi media asing untuk memburukkan negara sama ada menerusi cara melagakan kepimpinan dengan cuba menggambarkan negara ini sebagai mendiskriminasikan kaum-kaum bukan bumiputra. Ini dilakukan menerusi filem *Turtle Beach*, laporan BBC yang menggambarkan bahawa kerajaan menindas kaum India, menerusi satu media di Australia di mana telahpun diselidiki hitam putihnya dalam negara ini bahawa media-media itu finansiernya adalah Yahudi, sama ada kebetulan termasuk dalam agenda Zionisme atau individu tetapi mereka adalah Yahudi.

Selepas itu dikeluarkan apabila cerita mengenai kezaliman Perang Dunia Kedua maka timbul perbezaan antara Perdana Menteri dengan Timbalan mengenai cerita ini, dilagakan sekali lagi kepimpinan negara dan ini juga

digabungkan oleh pertubuhan-pertubuhan yang mengaku kononnya mereka adalah juara hak asasi. Umpamanya seperti Amnesty International, International Transparency Organization dan sebagainya yang segala-galanya menghala ke Malaysia dengan satu syarat bahawa mereka ini memang tidak baik sedangkan negara-negara umpamanya Israel adalah negara yang terbaik. Umpamanya negara-negara di kalangan jiran kita, oleh kerana memenuhi kehendaknya, dengan izin, serve their purposes, maka orang ini terkeluar dari skop hukuman International Transparency sebagai mempunyai taraf pengamalan asasi yang baik dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam menghukum sesetengah negara mereka yang juga menjadi juara asasi manusia telah menghukum Iraq umpamanya, oleh kerana Iraq tidak lagi menjadi sumber minyak kepada negara-negara membangun.

Baru-baru ini Petronas bersama dengan sebuah syarikat Perancis akan mengadakan satu syarikat joint-venture dengan Iran mengenai syarikat gas dan ada ura-ura bahawa Malaysia akan dikenakan trade sanction oleh badan-badan tertentu dunia yang berpangkalan di Amerika Syarikat. Tidakkah ini segala-galanya menghala untuk menjadikan Malaysia ini sebuah negara yang menderita oleh kerana Malaysia sedang bergerak ke arah menafikan ramalan mereka? Terima kasih.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Yang Berhormat dari Parit Sulong. Memanglah sepertimana yang saya katakan tadi

saya bimbang adanya konspirasi antarabangsa dan memang mereka akan menggunakan apa juga kesempatan, apa juga media yang available, yang sudah ada untuk mencapai tujuan mereka dan Amnesty International dan sebagainya tadi adalah salah satu media yang boleh digunakan tetapi satu alat ataupun media yang paling penting dan paling berkesan ialah melalui akhbar ataupun media cetak dan elektronik.

Sepertimana yang saya katakan tadi serangan kali ini adalah yang terhebat kalau kita bandingkan dengan serangan-serangan yang telah dilakukan sebelum ini sebab ia lebih diselaraskan dan kalau dahulunya serangan ini hanya dibuat oleh media-media asing yang berpusat di Amerika Syarikat dan negara-negara membangun tetapi sekarang mereka telah cuba meluaskan kegiatan mereka hingga meliputi misalnya di kalangan negara-negara ataupun organisasi media di rantau ini.

Satu perkembangan yang terakhir selain daripada laporan CNN yang dipetik oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi yang telahpun diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi, dua hari yang lalu terdapat satu laporan AFP daripada Hong Kong misalnya yang memetik para pemimpin ASEAN termasuklah Perdana Menteri Singapura dan Presiden Fidel Ramos dari Filipina yang seolah-olah menuduh bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir lah yang bertanggungjawab mengakibatkan kejatuhan bukan sahaja nilai Ringgit tetapi juga lain-lain mata wang di ASEAN. Dulu mereka kata tiap-tiap kali Mahathir buka mulutnya maka nilai Ringgit akan merosot.

Sekarang ini pula Mahathir bertanggungjawab menjatuhkan nilai Pesos, nilai Rupiah Indonesia dan nilai Baht Thailand serta nilai Ringgit Singapura. Dan ini bukan satu laporan yang isolated, dengan izin, bukan satu laporan yang terasing. Sebuah lagi laporan iaitu.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]

mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak bertanya sahabat saya dari Parit Buntar, dua hari yang lalu sebuah akhbar Inggeris di Singapura dan sebuah akhbar berbahasa Cina di Singapura telah mencetak semula satu editorial Inggeris daripada satu surat khabar di Bangkok yang Ketua Editornya adalah seorang yang berbangsa Amerika. Dalam hal ini ia mengatakan segala-galanya adalah punca Perdana Menteri Malaysia dan orang ini harus meletak jawatan. Adakah tindakan satu atau dua negara jiran - satu di utara dan satu di selatan - ini memanjangkan atau menjadi saluran kepada agenda nakal, agenda jahat, agenda khianat media-media asing yang sekarang ini menyerang negara? Terima kasih.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih. Memang betul dan sebenarnya laporan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari

Parit Sulong itu saya rasa ialah sebuah Editorial yang diterbitkan oleh sebuah akhbar bahasa Inggeris bertajuk *The Nation* yang diterbitkan di Bangkok dua hari yang lalu. Jadi memang dalam Editorial itu yang menyalahkan Dato' Seri Dr. Mahathir yang bertanggungjawab, samalah juga dengan laporan dari AFP dari Hong Kong tadi yang mengatakan Dato' Seri Dr. Mahathir bertanggungjawab bukan sahaja mengakibatkan kejatuhan nilai Ringgit tetapi juga Dollar Singapura, Baht Thailand, Pesos Filipina dan Rupiah Indonesia harus meletak jawatan. Kononnya Dato' Seri Dr. Mahathir tidak disenangi bukan sahaja oleh orang-orang ini tetapi juga oleh tokoh-tokoh korporat di Malaysia.

Sebenarnya inilah satu percubaan sepertimana yang saya kata tadi kalau dahulu strategi mereka hanya merangkumi media di peringkat antarabangsa, mereka mula memperkecilkan skop mereka kepada akhbar-akhbar di rantau ini. Saya tidak hairan kalau satu hari nanti akhbar-akhbar tempatan juga akan digunakan untuk meneruskan serangan ini sebab sepertimana yang saya katakan tadi beberapa orang wartawan tempatan telah pun graduate daripada satu skim yang pernah dilaksanakan pada tahun 1970-an ataupun 1980-an dahulu.

Inilah sebenarnya perancangan yang saya rasa tidak seharusnya dibiarkan. Tetapi saya yakin walau apapun yang akan kita laksanakan, walau apapun yang akan mereka buat, kita tidak akan sepertimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita tidak akan tunduk kepada tekanan mereka yang saya yakin, insya Allah, kalau selama ini kita boleh keluar

daripada masalah-masalah ataupun problem yang kita hadapi dengan baik, maka saya yakin ramalan-ramalan yang pada satu masa dahulu kita anggap sebagai ‘Prophet of dooms’ ini tidak akan terserlah ataupun tidak akan terjadi. Sebaliknya kita akan dapat keluar daripada krisis ini dalam keadaan yang lebih kuat dan mantap.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan wujudnya pelbagai laporan negatif ini, saya rasa masanya sudah sampai khususnya untuk Kementerian Penerangan ataupun Kerajaan Malaysia umumnya mengambil satu langkah yang positif. Saya rasa adalah tidak banyak faedahnya kalau kita hanya bercakap secara retorik dan tidak mengambil sesuatu tindakan yang konstruktif ataupun positif untuk mengatasi masalah ini.

Dalam hubungan ini saya ingin menyentuh secara lebih detail tentang saranan yang telah dibuat oleh sahabat saya dari Parit Sulong beberapa hari lalu tentang pentingnya kita mewujudkan sebuah Malaysian based international news agency untuk membetulkan laporan-laporan stereotype yang sering dibuat oleh agensi-agensi berita antarabangsa yang kebanyakannya dimonopoli ataupun dikawal oleh negara-negara maju.

Kalau kita lihat apa yang disebut sebagai ‘the big four’ sekarang seperti Reuters, Associated Press ataupun AFP dan UPI masing-masing berpangkalan di negara maju. Reuters sepertimana yang kita ketahui berpusat di London dan kita tidak tahu siapakah pemegang-pemegang sahamnya. Begitu juga dengan AP yang berpangkalan di New York, juga kita tidak tahu apakah asal-usul

keturunan pemegang saham. Yang kita tahu AFP yang berpangkalan di Paris adalah sebahagian besarnya disubsidised oleh Kerajaan Perancis, sementara UPI yang pada satu masa dahulu berpusat di New York kini sudah berpindah ke London apabila pemilikannya diambil alih oleh salah seorang daripada keluarga diraja Arab Saudi yang saya sebut minggu lalu.

Jadi kesemua ini anehnya dalam keghairahan kita mengkritik dan menyatakan rasa tidak puas hati kita kepada laporan-laporan negatif dan stereotype agensi-agensi berita asing ini kebanyakan daripada akhbar di negara-negara membangun termasuklah di Malaysia terpaksa bergantung kepada mereka untuk mendapatkan maklumat mengenai sesama kita sendiri. Itu yang jadi sedih walaupun kita tidak suka dengan laporan mereka, kita terpaksa bergantung kepada mereka untuk mengetahui mengenai diri kita. Samalah juga dengan perbuatan kita membaca akhbar-akhbar asing ataupun majalah-majalah asing untuk mengetahui berita-berita mengenai Malaysia. Itu satu keadaan yang saya rasa kurang sihat.

Untuk mengatasi masalah ini sepertimana pernah saya sarankan minggu lalu, masanya sudah sampai untuk kita mewujudkan sebuah Malaysian-based international news agency, dengan izin, yang boleh kita buat mengikut cara mereka. Saya tidak setuju dengan cara singkat sepertimana yang telah dibuat masa-masa lalu, misalnya menerusi pakatan yang dibuat oleh syarikat-syarikat berita kebangsaan di seluruh negara Asia dan Pasifik yang telah menubuhkan OANA pada tahun 1981 yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri sendiri dalam keadaan yang begitu meriah tetapi akhirnya OANA yang mempunyai rangkaian yang disebut ANN tinggal sebagai sebuah organisasi yang hidup segan mati tak mahu ataupun yang dalam bahasa Thai mereka sebut, sebuah organisasi yang ‘keriangchai’ - ‘keriangchai’ bahasa Siam, maknanya kalau saudara Parit Sulong garu belakang saya, saya garu belakang saudara Parit Sulong. Jadi OANA ini diibaratkan sebagai sebuah pertubuhan ‘garu-garu belakang’, itu sahaja. Tidak banyak progress atau kemajuan yang dicapai.

Satu lagi pakatan yang ditubuhkan oleh negara-negara di Afrika iaitu PANA (Pan Asian News Agency) juga menghadapi nasib yang sama. Di peringkat serantau misalnya, ASEAN, juga mempunyai satu rangkaian pertukaran berita yang disebut ANEX juga menghadapi masalah yang sama akibat pelbagai conflict of interest yang pernah saya timbulkan minggu lalu. Jadi, berdasarkan kepada pengalaman ini, maka saya rasa kita tidak ada jalan singkat untuk mencapai matlamat kita melainkan menubuhkan organisasi kita sendiri sama ada melalui pakatan konsortium ataupun mana-mana pihak yang mampu untuk membiayai pertubuhan ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya tertarik minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat dari Parit Buntar, tentang bagaimana agensi-agensi berita luar negara ini seringkali kadang-kadang dia menjaga lebih kepentingan Barat. Kadang-kadang dari segi memang mereka ini aga agenda tertentu kerana dia berbeza dengan kita, mereka mewarna-warnikan berita-berita mereka mengikut kaca mata mereka.

Pandangan Yang Berhormat dari Parit Buntar mengatakan kita mengadakan satu agensi berita internasional kita sendiri.

Saya hendak bertanya apakah kalau dahulu semasa kita buat 'dawn raid' kita boleh mengambil alih syarikat Guthrie ladangan besar di London dan seterusnya overnight kita menguasai satu syarikat ladang internasional dan meletakkan negara kita dalam perladangan dunia. Begitu juga, apa komen Yang Berhormat, banyak syarikat Malaysia yang sudah berbentuk multinasional yang besar, kita dengar mengambil alih syarikat di New Zealand, Australia dan di mana-mana, nampaknya tidak ada presence-nya Malaysia di dunia, tidak ada. Mengapa daripada sekarang mereka ini sebagai satu tanggungjawab negara cuba mengambil kepentingan dalam syarikat-syarikat ini. Kadang-kadang mereka ini dipunyai oleh trustee syarikat-syarikat tertentu yang sanggup menjual kalau pada hari yang berpatutan. Adakah ini juga satu pendekatan yang boleh ditimbang dalam menyelesaikan perkara yang baik, yang benar seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi?

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Yang Berhormat dari Rompin. Strateginya sepertimana yang saya sebut minggu lalu. Malah pada satu masa dahulu sepertimana yang saya katakan saya pernah menyarankan kepada kerajaan supaya membeli sahaja sebuah agensi, salah sebuah daripada 'big four' ini yang masa itu memang ditawarkan untuk dijual, murah sahaja tetapi oleh kerana mungkin masa itu kita tidak melihat kepentingan ada pertubuhan ini maka kita tidak mengambil kesempatan itu dan

akhirnya tawaran ini telah diambil oleh sebuah keluarga diraja Arab Saudi.

Memanglah kalau kita hendak sebut, kalau kita mahu menguasai sebuah agensi berita, dari segi bisnes, agensi berita *per se*, dengan izin, tidak akan boleh membawa pulangan yang lumayan dan untuk terus wujud sebagai sebuah entiti perniagaan, sebuah agensi berita itu hendaklah juga mempelbagaikan kegiatan kepada bidang-bidang lain yang boleh membuat keuntungan. Kalau dia hendak berniaga cuma dari segi news ataupun berita, maka ia tidak boleh tahan lama, akhirnya terpaksa gulung tikar. Itulah juga sepertimana yang saya katakan dahulu nasib yang mungkin akan menimpa agensi berita nasional BERNAMA kita.

Jadi walaupun sebenarnya tawaran itu telah diputuskan, saya tidak menolak kemungkinan yang lain-lain agensi ini, UPI tadi pun saya dimaklumkan sekarang sedang menghadapi masalah dan pemilik baru pun walaupun dia sudah menguasai agensi ini, tidak buat apa-apa pun dari segi agendanya, ia cuma gunakan agensi itu untuk mengumpul bahan untuk satu stesen TV yang juga dia miliki tetapi tidak ada pun agenda kebangsaan ataupun agenda antarabangsa yang dilaksanakan melalui penguasaan terhadap agensi United Press International ini.

Jadi, saya yakin kalau ada pihak-pihak yang sanggup mengeluarkan sedikit modal dan mempunyai komitmen untuk kepentingan negara untuk jangka panjang, kita boleh, pada satu masa dulu saya pernah menawarkan diri untuk jadi perunding terhadap usaha take-over ini dan saya yakin selaras

dengan akta yang sedang kita bincangkan sekarang dalam mana kita telahpun mengusulkan supaya berita nasional kita sendiri diswastakan, maka saya rasa idea untuk menubuhkan International News Agency ini kalau diserapkan dengan pengswastaan BERNAMA ini mungkin dengan injection ataupun suntikan idea-idea baru dan lain-lain kegiatan, mungkin dia boleh mendatangkan satu kegiatan perniagaan yang viable.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik ulasan Yang Berhormat dari Parit Buntar kerana Yang Berhormat sendiri memang di tengah-tengah industri ini, ada ketokohan, ada keupayaan dan pengalaman. Saya minta pandangan Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat dapat membantu negara bukan sahaja sebagai wakil rakyat tetapi juga sebagai seorang pakar dalam bidang ini mungkin akan menjemput BERNAMA dan juga kumpulan MRCB, sebagai contoh. Kumpulan itu ada *Berita Hariannya*, *Straits Timesnya*, TVnya, baju mereka BERNAMA pun pakai, selepas itu dengan alasan mereka juga ambil alih perhubungan 'the big four' ini. Fasal itu kita minta Yang Berhormat dari Parit Buntar ada di sana, takut besok kalau Yang Berhormat dari Parit Buntar tidak ada, dia kelentong orang lain pula. Sebab itu kalau apa yang berlaku di sana, kita tangkap, kita

pegang Yang Berhormat dari Parit Buntar sahaja. Itu wakil kita. Apa pandangan Yang Berhormat dari Parit Buntar dalam perkara ini?

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, I would like to reserve my comment on this sebab secara kebetulan saya ingin declare saya juga adalah Pengarah MRCB, jadi saya tidak mahu ada conflict of interest.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Parit Sulong bangun pula.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Saya hanya buat cadangan di sini untuk kepentingan negara pada masa hadapan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan yang di-Pertua, saya memang bernasib baiklah mempunyai seorang rakan bekas wartawan juga yang dapat melihat lebih terkehadapan mengenai masalah yang kita hadapi sekarang. Jadi, saya hendak minta pandangan saudara saya dari Parit Buntar, adakah inisiatif yang kita putuskan hari ini di dalam Dewan yang mulia ini memerlukan satu dukungan politik yang serius? Tidakkah ini memerlukan dukungan, umpamanya Timbalan Menteri Penerangan yang juga seorang bekas media practitioners. Beliau faham apa yang kita cakap. Adakah kita mahu mendesak supaya Timbalan Menteri Penerangan menulis satu laporan yang lengkap bahawa sekarang ini Malaysia perlu memiliki satu international media

Malaysian-based dan masih lagi memerlukan dukungan dan iltizam politik yang sepenuhnya?

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Saya rasa memang betul-betul sebab kalau secara individu sepertimana yang saya katakan tadi perniagaan dalam bidang media ini, dengan izin, fraud with dangers, banyak ranjau durinya yang kalau kita salah langkah kita akan terjerumus dan terpaksa gulung tikar. Jadi, untuk menentukan supaya langkah ini boleh berjaya, saya rasa memang ia memerlukan political input ataupun political support di peringkat awal tetapi setelah ia dapat bertapak, maka kita bolehlah biarkan agensi ini berfungsi secara sendiri.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sipitang bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, banyak dikatakan mengenai dengan berita-berita asing, berita-berita yang dikeluarkan oleh media-media asing khususnya saya melihat baru-baru ini CNN mengenai dengan jerebu. Apakah layak seorang yang bukan tinggal di sini ataupun yang tidak tahu mengenai keadaan yang sebenar memberi komen mengenai dengan jerebu dan di dalam komen tersebut disebutkan juga bahawa sehingga sekarang ini berlaku di Malaysia. Saya merasa terkilan bila berita seperti ini berlaku. Begitu juga dengan berita-berita lain yang diedarkan oleh media asing yang melaporkan bahawa berbagai berita yang diputar belit. Tetapi

yang anehnya juga banyak orang-orang kita daripada Malaysia sendiri berebut-rebut supaya berita mereka masuk dalam media asing ini. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai dengan perkara ini, apakah perlu ada satu media asing, mungkin yang dimiliki rantau ASEAN yang boleh kita mempunyai suara untuk menentukan ataupun memasukkan fakta-fakta sebenar, bukan hanya bergantung kepada orang lain dan kita pula berlumba-lumba untuk mendapatkan berita tersebut?

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan tadi, kita punya cita-cita bukan setakat ASEAN, kita tak main ASEAN, kita mahu internasional. Jadi, tentulah ASEAN yang kita sokong sebab yang sudah ada pakatan di peringkat ASEAN iaitu ANEX News Exchange pun tidak beroperasi, jadi pilihan itu saya rasa sudah tidak relevan lagi. Kita kalau hendak terpaksa buat kita punya sendiri yang berbentuk internasional.

Tentang laporan-laporan negatif tadi sebenarnya saya ingin membuat penjelasan di sini, wartawan ini banyak kategori, ada wartawan asing yang di'based' ataupun dipusatkan di Malaysia. Ada lagi satu jenis yang kita panggil 'fly-by-night journalist' - wartawan terbang malam, dia datang sehari dua, dia balik, kemudian dia tulis, dia cuma dengar sedikit sebanyak orang cakap, dia tulis. Ada juga 'wartawan bar' yang cuma duduk di bar, minum arak dua tiga botol, dengar orang bercerita, kemudian dia tulis dan tulisan itu dianggap oleh setengah-setengah orang sebagai 'authoritative'. Kita yang sering jadi mangsa

ataupun kita yang mahu tentang apa yang sebenarnya berlaku, tahu bahawa apa yang mereka buat itu adalah tidak betul, samalah juga dengan kita Ahli-ahli Parlimen di sini. Kalau kita bercakap macam ini, kemudian besok keluar laporan, kita tahu yang wartawan itu silap tetapi orang lain tak tahu yang dia silap. Beginilah juga halnya dengan laporan-laporan media asing ini. Kita yang tahu what actually happened, dengan izin, knows that they are wrong, tetapi kalau orang lain yang baca yang tak tahu background menganggap laporan itu sebagai betul dan benar.

Jadi, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menyambung sedikit kalau tidak ada lagi soalan tentang International News Agency ini, menyambung sedikit hujah saya mengenai pentingnya yang saya sebut minggu sudah, BERNAMA itu diswastakan. Sebenarnya sepertimana yang ingin saya ulangi lagi, sebelum Dewanyang mulia ini ditangguhkan minggu lepas, saya telah menghuraikan implikasi kewangan yang akan dihadapi oleh BERNAMA akibat pindaan undang-undang yang sedang kita bahaskan ini. Saya juga telah tekankan tentang pentingnya kerajaan khususnya Kementerian Penerangan mengambil suatu langkah konkrit untuk menentukan masa depan BERNAMA dan seterusnya mengelakkan agensi-agensi ini daripada terus ditutup atau terpaksa gulung tikar.

Dua langkah yang boleh diambil ialah pertama memberikan peranan baru kepada agensi ini supaya boleh terus kekal sama ada sebagai sebuah badan berkanun dalam bentuknya sekarang atau sebagai sebuah entiti korporat.

Langkah kedua ialah menjual terus atau menswastakannya kepada mana-mana pihak yang berminat tanpa terpaksa melalui proses pengkorporatan. Dalam keadaan sekarang saya berpendapat adalah lebih praktikal dan bijak kalau pilihan kedua dilaksanakan iaitu menswastakan sahaja agensi ini. Ini adalah kerana melalui penswastaan, pemilik baru boleh memberi suntikan modal kerja yang sangat-sangat diperlukan oleh BERNAMA sekarang. Pada masa yang sama Kerajaan dapat menjimatkan wang yang mungkin terpaksa dikeluarkan untuk melaksanakan satu rancangan penyelamat atau rescue plan untuk BERNAMA

Penswastaan juga membolehkan pertukaran Lembaga Pengarah dan pasukan pengurusan dengan yang lebih dinamik, pembentukan satu budaya kerja yang lebih positif dan bersifat komersial serta pengwujudan suasana perniagaan yang lebih kompetitif. Sebaliknya, jika pengkorporatan sebagai jalan yang dipilih, saya tidak yakin ia akan dapat menyelesaikan masalah. Kecuali satu projek yang boleh menjamin sumber pendapatan yang lebih mampan atau sustainable diberikan kepada BERNAMA keadaan tidak akan banyak berubah daripada sekarang. Pada hakikatnya jika agensi ini benar-benar serius untuk mempelbagaikan sumber pendapatannya secara agresif, ia sudah boleh berbuat demikian sejak lama dahulu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah peruntukan Akta BERNAMA 1967 yang ada sekarang pun agensi berita ini sudah boleh beroperasi sebagai sebuah badan korporat tanpa dikorporatkan secara rasmi.

Seksyen 3(a) Akta tersebut yang dimasukkan ke dalam akta Ibu melalui satu pindaan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1990 serentak dengan pengenalan subseksyen (3) yang memberikan agensi berita ini hak eksklusif untuk menerima dan mengedar berita dan bahan berita daripada agensi berita asing kepada para pelanggan tempatan yang hari ini hendak kita mansuhkan secara efektifnya membolehkan BERNAMA bergerak sebagai sebuah entiti korporat.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik seksyen 3(a) yang berkenaan. Seksyen tersebut berbunyi:

“BERNAMA with the approval of the Minister and the concurrence of the Minister of Finance (Minister itu adalah Minister of Information) may -

(a) enter into any arrangement for sharing of profit, union of interest, corporation or joint-venture with any person or body of persons or establish or promote the establishment or expansion of companies under the Companies Act 1965.”

Tuan Yang di-Pertua, inilah peruntukan yang diberikan di bawah pindaan yang diluluskan pada tahun 1990 yang pada tujuan asalnya untuk membolehkan BERNAMA mempelbagaikan kegiatannya supaya ia bukan sahaja boleh membebaskan dirinya daripada bergantung kepada kerajaan dari segi kewangan tetapi juga beroperasi sebagai sebuah badan korporat. Saya

yakin kalau peruntukan ini dimanfaatkan sepenuhnya, BERNAMA tidak akan menghadapi sebarang masalah walaupun hak eksklusif dari segi penerimaan dan pengedaran berita asing yang kita bincangkan sekarang ditarik balik.

Tetapi malangnya, apa yang berlaku sekarang adalah sebaliknya. Peruntukan yang begitu baik tujuannya tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Diversifikasi dari segi kegiatan yang dilakukan oleh agensi ini sekarang tidak merupakan diversifikasi dalam erti kata sebenar. Apa yang dilakukan hanyalah pengenalan produk-produk baru yang disebut sebagai product non-media, yang lain ialah menyalurkan perkhidmatan-perkhidmatan maklumat dan berita yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat lain terutama agensi asing melalui pakatan perkongsian keuntungan. Tidak ada sebarang usaha menerokai bidang-bidang tertentu yang lebih lucrative yang boleh dijadikan sebagai flagships dan menjamin sumber pendapatan yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada beberapa sebab kenapa ini berlaku. Antaranya ialah komposisi anggota lembaga pentadbir yang ada sekarang dan sikap kakitangan pertubuhan itu sendiri yang begitu negatif terhadap pembaharuan oleh kerana separuh daripada anggota lembaga pentadbir terdiri daripada wakil pertubuhan akhbar tempatan yang bukan sahaja merupakan pelanggan BERNAMA tetapi juga terlibat di dalam kegiatan perniagaan yang sama atau hampir-hampir sama, maka kemungkinan berlakunya insiden conflict of interest, dengan izin, pada masa-masa tertentu tidak dapat dielakkan. Sikap setengah-setengah kakitangan yang begitu negatif

serta sering syak wasangka terhadap sesuatu pembaharuan yang cuba diperkenalkan oleh pengurusan menyebabkan pengurusan hilang keyakinan diri untuk bertindak. Akibatnya prestasi organisasi terjejas.

Berdasarkan kepada faktor-faktor yang telah saya utarakan ini saya tidak nampak sebarang pilihan melainkan penswastaan sebagai langkah untuk menyelamatkan BERNAMA. BERNAMA yang telah diswastakan boleh dijadikan sepertimana yang saya katakan tadi nukleus bagi pembentukan Malaysian-based international news agency yang dicadangkan oleh sahabat saya dari Parit Sulong. Saya bersetuju berdasarkan kepada perkembangan pada akhir-akhir ini, masanya sudah sampai bagi kita memikirkan secara serius penubuhan international news agensi ini. Tetapi sepertimana yang saya katakan tadi dalam mencapai matlamat ini kita harus mengambil jalan pintas. Jalan yang hendak kita lalui terlalu panjang dan berbahaya serta dipenuhi dengan pelbagai onak dan duri. Perniagaan berita dalam bentuk conventional tidak membolehkan seseorang itu jadi kaya-raja tetapi dengan sedikit imaginasi dan kebijaksanaan, kejayaan tidak mustahil dicapai. Kalau CNN yang kurang dari 10 tahun dahulu beroperasi hanya daripada sebuah bilik kecil di Atlanta, kini sudah menguasai seluruh dunia, tidak ada sebab kenapa kita di Malaysia tidak boleh.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tanjong.

4.24 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tadi Yang Berhormat dari Parit Buntar seorang veteran dalam BERNAMA telah bercakap panjang lebar mengenai konspirasi antarabangsa mass media di mana ada laporan-laporan negatif mengenai Malaysia khususnya menentang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Tetapi saya rasa kalau inilah ada konspirasi itu, kenapa BERNAMA ambil bahagian dalam konspirasi itu? Pada hari Jumaat, BERNAMA buat laporan mengenai ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ada satu Jewish conspiracy yang mahu sabotaj ekonomi negara dan negara-negara Islam dan laporan itu diberi liputan besar-besaran di dunia dan mengakibatkan reaksi yang sangat negatif. Tetapi hari kemudiannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata dia tidak cakap begitu, dia tidak buat implikasi itu, kenapa BERNAMA boleh buat laporan semacam itu? Apakah BERNAMA pun ada ambil bahagian dalam international complot menentang Malaysia?

Saya rasa kita boleh datang ke sini untuk mengalihkan (distract) perhatian daripada isu utama mengenai kelemahan-kelemahan dalam sistem ekonomi kita, pun ada kelemahan-kelemahan pucuk pimpinan kita. Bukan semua pemimpin-pemimpin sempurna, ada masa di mana buat kesilapan tetapi kita mesti ada keberanian untuk mengakui ada buat kesilapan tetapi tidak semua menyalahkan orang lain kata ada satu international conspiracy yang mahu jatuhkan nama baik Perdana Menteri. Kalau begitu saya mahu tanya

kenapa BERNAMA buat laporan itu? Sebenarnya bukan laporan BERNAMA sahajalah, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, sebagai contoh, *Berita Harian* hari Sabtu - "*Krisis mata wang angkara Yahudi. - Kuala Terengganu, Jumaat....*" Ini oleh pemberita *Berita Harian*, bukan BERNAMA. Laporan BERNAMA digunakan oleh agensi-agensi luar negeri. Ini dilaporkan dalam *Washington Post*, *New York Times*, *International Herald Tribune*, *Los Angeles Times*, *Sydney Herald* dan di lain-lain negara. Itu BERNAMA, tetapi tempatan pun ada - tengok, "*Krisis mata wang angkara Yahudi. Kuala Terengganu, Jumaat....*" oleh Azhar Abu Samah dan Nor Jaafar, bukan seorang - dua orang. Mungkin seorang buat kesilapan, tak mungkin dua orang buat kesilapan "*Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mengesyaki pihak Yahudi mempunyai rencana dan agenda tertentu untuk menjejaskan ekonomi negara ini dan negara Islam lain.*" Pun dalam *Utusan Malaysia*, pun dalam *Star*. Siapa salah? Adakah ini satu usaha international conspiracy terhadap Malaysia? Saya setuju apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata.....- ha, ini *Utusan Malaysia* - sama, "*Awasi agensi Yahudi*" - Amir Sharifuddin. "*Kuala Terengganu - Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesyaki masyarakat Yahudi mempunyai agenda dan rencana tertentu untuk menjatuhkan umat Islam dengan mengaturkan pelbagai usaha jahat termasuk melemahkan ekonomi dan mata wang negara-negara Islam.*" Pemberita-pemberita kita sendiri pun buat laporan yang sama tetapi sekarang kata tidak ada, kita salahkan semua international Jewish conspiracy.

Saya tidak berdiri di sini untuk membela foreign mass media - tidak, tetapi kita patut faham kedudukan. Yang Berhormat dari Parit Buntar fasih mengenai selok-belok bidang kewartawanan, kita mahu tahu sebenarnya apa yang berlaku.

Saya bersetuju tadi dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan apabila dia mengutuk CNN oleh kerana kesilapannya kenapa mengulangi peristiwa 13 Mei. Niatnya tidak baik. Saya setuju, saya pun mengutuk CNN, kenapa mahu ulangi tayangan mengenai peristiwa 13 Mei, satu peristiwa yang sangat sedih yang tidak patut oleh kerana nampaknya menimbulkan gambaran bahawa mungkin boleh berulang lagi peristiwa 13 Mei.

Iniilah perkara yang tidak baik dan saya setuju mengutuk, tetapi bukannya dalam setiap pilihan raya besar, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menggunakan isu peristiwa 13 Mei. Apabila kita kata bahawa CNN ada agenda yang tidak baik, apabila menimbulkan peristiwa 13 Mei, saya setuju kita kutuk. Bukankah kita pun perlu setuju sekarang bahawa apabila pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dalam setiap pilihan raya besar menimbulkan, menakut-nakutkan pengundi-pengundi mengenai peristiwa 13 Mei, mereka pun ada agenda yang jahat, yang tidak patut dibenarkan.

Kita jangan ada double standard orang buat salah. Dalam negara kita, kita boleh buat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa mana ada hak asasi dunia? Mana ada hak kebebasan dunia? Baru ada hak ampu sahaja. Sedikit sebanyak saya setuju, tetapi apa keadaan dalam Malaysia, tanah air

kita? Adakah kita baru ada hak ampu sahaja dalam mass media Malaysia? Adakah Yang Berhormat dari Parit Buntar berani berdiri dan kata itu tidak benar? Inilah kenapa kredibiliti mass media di Malaysia tidak tinggi, bukan sahaja orang luar tetapi juga kepada orang Malaysia.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Yan bangun, hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju kerana Yang Berhormat mengatakan kredibiliti surat khabar tempatan ini tidak baik sedangkan Yang Berhormat sendiri sedar bahawa mereka buat coverage untuk DAP, untuk parti pembangkang, kadang-kadang coverage itu lebih baik daripada parti kerajaan sedangkan Yang Berhormat sedar hari ini surat khabar luarlah yang sedang menghancurkan ekonomi negara kita. Adakah Yang Berhormat masih ingin bersimpati dengan surat-surat khabar luar, pemberita-pemberita luar yang sedang menghancurkan negara kita ini dan menghina serta mentohmah kepada pemberita-pemberita tempatan kita, akhbar-akhbar tempatan. Jadi, kera dalam hutan kita ini disusukan, anak di kandungan dibiarkan. Adakah itu sikap Yang Berhormat dari Tanjong? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Ini satu isu yang penting dan saya beri jalan kepada Yang Berhormat dari Yan, boleh saya harap dia pun memandangkan isu

ini penting dan jangan main-main, putarbelitkan. Dia mahu memutarbelitkan dan memainkan isu ini, saya tak layani Yang Berhormat dari Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak 'sat' layan dah. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah menegaskan di sini, saya berdiri bukan untuk membelakan mass media antarabangsa di mana mereka buat silap, salah.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, saya habiskan trend of thought saya. Apabila mereka buat kesalahan, tidak baik, semacam peristiwa 13 Mei, CNN, saya setuju kutuk dengan keras, tidak patut. Tetapi saya mahu tanya, adakah kita di sini jujur, ikhlas dalam perkara ini? Kalau begitu, adakah Yang Berhormat dari Parit Sulong rela berdiri dan kata sesiapa dalam pilihan raya besar dahulu yang membangkitkan peristiwa 13 Mei, mereka ada niat jahat, patut dikutuk, dan pada masa depan, pada pilihan raya besar yang akan datang tidak ada sesiapa yang dibenarkan untuk memainkan peristiwa 13 Mei oleh kerana mereka tersebut ada agenda antinasional. Kalau Yang Berhormat rela jawab, saya beri jalan. Kalau dia tidak rela jawab, jangan berdiri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya akan jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Pertamanya, saya amat tidak setuju dengan satu sweeping statement Yang Berhormat dari Tanjong yang juga bekas

media practitioner di zaman Lee Kuan Yew di Singapura. Beliau pernah berkhidmat dengan satu propaganda yang memutarbelitkan beberapa fakta. Beliau pernah berkhidmat dengan Kor, wartawan Lee Kuan Yew untuk menghalalkan kemasukan PAP ke dalam Malaysia. Masa itu Malaysia is the ultimate, we cannot survive, we love Malaysia dan sebagainya. Salah satu propagandist yang terlibat adalah Yang Berhormat dari Tanjong. Saya membaca sejarahnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya amat tidak setuju dengan satu tanggapan yang amat sweeping yang mengatakan kredibiliti media Malaysia adalah terlalu amat rendah, bukan sahaja di mata dunia malahan di mata kalangan rakyat jelata. Itu tidak benar.

Yang keduanya, saya berani mengatakan bahawa di dalam pilihan raya, saya menyebut perkataan '13 Mei' - sebagai satu sandaran sejarah supaya tidak lagi berlaku 13 Mei. Adakah berdosa untuk menyebut perkara ini? Saya datang ke Kuala Lumpur seminggu selepas 13 Mei. Saya melihat apa kesan 13 Mei. Tidakkah saya boleh membuat satu ulasan sejarah di dalam ucapan saya supaya mereka tidak terlupa sejarah. Setiap manusia di dalam negara ini khususnya harus ingat dan bersandar kepada sejarah supaya sejarah tidak berulang. Adakah salah untuk pemimpin negara membuat ingatan sedemikian? Kalau ada orang yang terasa termakan cili dengan ingatan itu, saya tidak tahu. Saya tidak tahu di mana pendirian parti DAP pada tahun 1969! Saya tidak tahu betapa sombongnya, dan betapa bongkaknya beberapa pemimpin DAP pada 13

Mei 1969! Saya tidak tahu bagaimanakah peranan DAP, kalau ada, untuk mencetuskan peristiwa 13 Mei. Saya tidak mahu menjawab perkara ini. Saya serahkan kepada Yang Berhormat dari Tanjong untuk menjawabnya. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak begitu rendah semacam Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi kata mengenai point pertama, saya pemberita dahulu, saya open book, bukan apa yang disembunyikan. Kalau Yang Berhormat dari Parit Sulong menganggap seorang pemberita adalah seorang propagandist, beliau seorang propagandist, mungkin lah. Dia anggap beliau seorang propagandist, semua pemberita pun propagandist, sama ada ini benar atau tidak benar, itu hal yang lain.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia bangun lagi, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, tidak, nanti. Mengenai peristiwa 13 Mei, dia salah gunakan penjelasan untuk buat satu ucapan yang silap, yang tidak benar dan saya rasa dia ada agendanya sendiri. Hari ini dia ada agenda sendiri mengenai peristiwa 13 Mei. Kalau dia kata apabila dalam pilihan raya besar menimbulkan peristiwa 13 Mei ialah untuk mahu ingatkan rakyat jangan ulangi begitu. Kalau inilah pandangan, CNN boleh kata menyangkan peristiwa 13 Mei untuk mengingatkan semua orang di dunia bahawa harap ini tidak berlaku.

Sesiapa yang membangkitkan peristiwa 13 Mei, termasuk Yang Berhormat dari Parit Sulong, sangat tidak bertanggungjawab dan saya mengutuk perbuatan itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Yan dan Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tak beri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta izin. Nampaknya takut kepada sejarah.....

Tuan Lim Kit Siang: Nanti Yang Berhormat boleh jawab.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sabar, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kenapa takut kepada sejarah?
Kenapa takut 13 Mei?

Tuan Lim Kit Siang:.....oleh kerana saya tidak mahu diputarbelitkan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak tanya, kenapa takut sejarah?

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat boleh berucap, nanti boleh jawab, jangan takut.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: DAP mula 13 Mei.....*[pembesar suara ditutup]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Tanjong tak beri jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha, lu lang cho eh.

Tuan Lim Kit Siang: Dan saya kata bahawa kita sekarang mahu masuk IT, masyarakat maklumat. Satu benda yang mustahak dalam masyarakat maklumat ialah maklumat, bukan untuk tekan maklumat, kontrol maklumat, restrict maklumat.

Dua, tiga hari dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri barulah lancar satu kempen Kesedaran IT. Kempen Kesedaran IT bukan sahaja belajar guna komputer, bukan sahaja belajar bagaimana boleh hook kepada Internet. Literasi ialah bagaimana boleh menggunakan maklumat-maklumat untuk masyarakat, untuk kemajuan dan untuk kebaikan. Kalau Malaysia mahu mengarah kepada satu masyarakat maklumat - information society, knowledge society, kita perlu membukakan masyarakat kita.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Yan tak layanlah, oleh kerana sudah beri chance kali pertama dan menyalahgunakan chance itu, saya tak beri chance yang kedua, tak beri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Selalu orang beri dua chance, appeal court.....

Tuan Lim Kit Siang: No appeal court. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Semua court, ada. Apa jadi lawyer tak faham?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia tak beri, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Very, very tak beri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Inilah sebenarnya. Bukan sahaja isu krisis kewangan, krisis kredibiliti akhbar, tetapi sama ada Malaysia serius untuk mahu satu masyarakat maklumat, satu masyarakat pengetahuan.

Kita boleh nafi bahawa kredibiliti akhbar Malaysia antara orang tempatan dan orang luar adalah rendah, tentu kita nafi, tetapi apa sebenarnya? Pemberita-pemberita mereka pun ada conscience, mereka pun tahu bahawa mereka dilarang daripada menjalankan tugas mereka untuk memberi segala maklumat, mengadakan segala kebebasan akhbar dalam Malaysia ini. Inilah sebenarnya bukan sahaja satu sebab kenapa kita menghadapi krisis ekonomi, bukan sahaja oleh kerana current deficit tetapi juga information deficit - defisit maklumat. Bagaimana orang luar akan terus ada kepercayaan kepada ekonomi, sistem kewangan, kalau ada defisit maklumat (information deficit) di mana tidak ada satu sistem lebih terbuka, lebih transparent untuk memenangi

kepercayaan pelabur sama ada orang tempatan atau orang luar. Kita boleh dengan senang cari satu jalan keluar, ini semua conspiracy international mass media, senang, tidak ada masalah, salahkan mereka. Tetapi saya rasa, ini bukan satu jalan yang patut kita gunakan oleh kerana kita patut bertanggungjawab dan faham masalah-masalah yang sebenar yang kita hadapi.

Kita tahu ada usaha untuk tukar, mengubah cara masalah di sini bahawa apa yang kita hadapi bukan masalah kepercayaan ekonomi oleh pelabur-pelabur tempatan atau luar negara, tetapi oleh kerana serangan conspiracy terhadap Perdana Menteri sehingga kita ada sticker - We Support Dr. Mahathir. Hari Ahad mungkin ada satu rapat umum oleh Majlis Belia Wilayah Persekutuan sokong Dr. Mahathir. Hari ini saya dengar di Putra World Trade Centre, lagi satu mesyuarat sokong Dr. Mahathir. National Union of Bank Employees - semua 30,000 orang wear badges - Sokong Dr. Mahathir, semacam Korea Selatan - great leader - Sokong Kim, akhirnya semua firm in - bencana besar. Masalahnya bukan sokong Dr. Mahathir. Adakah kita menghadapi satu krisis sehingga kita perlu quickly support Dr. Mahathir? Ada rencana-rencana, artikel-artikel yang mungkin unfavorable dalam mass media, mengkritik Perdana Menteri.

Tadi saya sebut apabila dia berucap bulan ini, kesan yang buruk, pasaran saham, ringgit, mengakibatkan masalah kepercayaan lebih teruk. Ini pandangan artikel-artikel. Kalau kita tidak setuju, kita boleh jawab, kita boleh membalaskan, tetapi editorial-editorial ini termasuk editorial yang ada disebut

mengenai *The Nation* di Thailand yang hari Isnin, kalau saya tak silap, ada kata bahawa, dengan izin, “After 16 years in power, Mahathir has outlived his usefulness”. Itu pandangan surat khabar Thai, *The Nation*, tidak patut menggugat kedudukan Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri. Kenapa perlu kita sampai ke sini, rapat umum, tunjuk perasaan, wear badges dan sticker ‘We Support Dr. Mahathir’, kalau inilah masalahnya.

Sebenarnya ini masalah yang kita hadapi. Kerajaan patut datang ke Dewan ini dengan satu usul tunjuk kepercayaan kepada Perdana Menteri oleh kerana Dewan ini yang bertanggungjawab untuk menentukan siapa menjadi atau terus memegang jawatan sebagai Perdana Menteri. Barisan Nasional dapat kepercayaan yang cemerlang dalam tahun 1995 - landslide victory. Sekarang dekat 9/10 majoriti dalam Parlimen, tentu bukan masalah. Datang ke Parlimen pada hari Isnin, kita tangguhkan perbahasan budget, usul Vote of Confidence terhadap Perdana Menteri, selepas itu lulus - tentu boleh lulus atau tak boleh lulus - saya tak tahulah. Selain daripada mungkin ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, mungkin berkecuali, tidak berani lawanlah. Datang ke Dewan ini dengan satu usul kepercayaan, saya percaya tidak ada parti-parti pembangkang yang mendesak Perdana Menteri letak jawatan - tidak, masalah dari mana? Western media. Kenapa mereka ada kuasa untuk menggoncangkan kedudukan Perdana Menteri, selain daripada mungkin ada masalah dalaman, sama ada dalam kerajaan atau dalam parti. Kenapa sekarang kita mahu menangani isu ekonomi, mengatasi krisis ekonomi. Kenapa kita mahu

kegiatan-kegiatan yang begitu unproductive, tunjuk perasaan, wear badges long one, kenapa? Menjadi laughing stock dunia sahaja dan selesai perkara ini supaya Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, negara boleh menumpukan segala usaha dan perhatian untuk mengatasi krisis ekonomi kita dan kita ada krisis ekonomi. Apa guna salahkan sahaja international mass media? Apabila dahulu kita dapat laporan yang positif, yang baik, menteri-menteri datang ke Dewan ini sebut 'quote' laporan-laporan mass media antarabangsa. Sekarang mereka kata ada international conspiracy. Saya tidak tahu sama ada satu international conspiracy sehingga BERNAMA pada satu masa pun terlibat.

Saya harap bahawa janganlah kita go off the tracks. Kita mahu mengakui kalau kita sedar bahawa kalau Malaysia mahu berjaya dalam zaman yang baru, millennium yang baru, yang pertama, mahu buat 'leap frog' kepada masyarakat maklumat, kita perlu mindset masyarakat IT di mana kita memberi tempat yang penting, yang tinggi kepada pengaliran yang bebas kepada maklumat - a free flow of information. Dalam masyarakat maklumat, data information, dengan izin, travel with the speed of light - instant. Kita mahu jadi king canoe, stop the tide. This is not the tide, this is the speed of light. Kita masih rela berani lawan in the cyberspace atau in the globalisation, battle of ideas. Kenapa kita mahu salahkan international mass media, restrict press freedom dalam Malaysia? Tidak mungkin mengakibatkan krisis kredibiliti sahaja.

Itulah satu seruan saya bahawa kita lebih matang dan jangan oleh kerana ada sebut *Washington Post* atau *New York Times* ada laporan yang unfavorable, kita sepenuh Dewan menjadi hysterical, seperti kalau kita dapat tahu negara boleh runtuh, kita patut berani beritahu rakyat Malaysia apa dilaporkan dalam mass media antarabangsa dan kita patut ada kepercayaan kepada judgement rakyat Malaysia untuk menimbang sama ada benar atau tidak benar, betul atau silap. Kenapa kita mesti takut? Oh, jangan sebut, nanti rakyat Malaysia tahu *Washington Post* cakap apa, nanti *New York Times* cakap apa. Kenapa tidak beritahu kepada mereka? Percaya bahawa mereka matang, tahu apa yang betul atau tidak betul, make a judgement on their own. Kalau ini pun kita takut, bagaimana kita boleh menjadi satu masyarakat maklumat? Bagaimana Multimedia Super Corridor boleh berjaya? Multimedia Super Corridor mahu berjaya bukan bergantung kepada bangunan dan tarif, tetapi ideas, brain power. Inilah kita menghadapi krisis. Saya harap bahawa kita lebih matang dalam perkara ini.

Ini satu contoh. Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka ada timbulkan bagaimana boleh membenarkan satu perkara yang bukan risalah rasmi dibentangkan di setiap meja, kenapa boleh? Yang di-Pertua kata, dia tak larang sesiapa yang mahu letak apa-apa benda atas meja. Ini tidak benar. Pada bulan Julai, saya ada menulis sepucuk surat kepada semua Ahli Parlimen.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya tak dapat.

Tuan Lim Kit Siang: Tak dapat? Ada dapat? Semua tak dapat?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Mana Ketua Pembangkang ambil, saya tak ada?

Tuan Lim Kit Siang: Tak dapat?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa tak dapat?

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya pun tak ada.

Tuan Lim Kit Siang: Ini ditulis surat.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Mana Ketua Pembangkang ambil?

Tuan Lim Kit Siang:.....bertarikh 14 Julai 1997 kepada semua Ahli Parlimen.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak bayar duit setem, mana boleh sampai surat?

Tuan Lim Kit Siang:.....ialah mengenai proposal that Malaysia bid to host a Ninth International Anti Corruption Conference (IAAC) di Kuala Lumpur 1999. Surat menyerukan sokongan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional bahawa negara kita jadi tuan rumah International Anti Corruption Conference 1999, semua tidak dapat, kenapa? Oleh kerana surat ini confiscated oleh Setiausaha Jabatan Parlimen, kenapa? Dia kata, ini surat bukan rasmi, tetapi ini (sticker) boleh diedarkan.....

Tuan Michael Lisa Kaya: Surat khabar lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini (sticker) boleh diedarkan, tetapi ini (surat) tidak boleh diedarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Tanjong, perkara ini tidak ada kaitan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya sebut ini oleh kerana sokong Mahathir.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Perkara Yang Berhormat sebut, telah diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, saya timbulkan perkara ini supaya inilah Dewan untuk.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yan bangun, minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:.....Dewan untuk semua Ahli Parlimen dan kita.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak beri?

Tuan Lim Kit Siang: Tak berilah, Yan.untuk semua Ahli Parlimen dan kita harap bahawa kita ada satu sikap yang lebih matang, yang lebih konfiden menghadapi tahun 2000.

Akhirnya, saya harap bahawa kita boleh bincang masalah kebebasan akhbar dengan serius dan bukan dengan prejudis. Tidak guna salahkan international press tidak adil kalau kita boleh terima press tempatan tak adil, double standard. Kita mahu international press adil, tetapi kita mesti berani mahu membuka ruang supaya ada lebih press freedom di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yan.

4.55 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pertamanya adalah untuk mempertahankan, tadi Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan bahawa zaman maklumat ini kita perlu terbuka tetapi di dalam sebuah negara yang majmuk seperti ini adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang-kadang maklumat itu boleh mencetuskan pertelingkahan, maklumat yang salah itu boleh mencetuskan tumpahan darah. Adakah Yang Berhormat dari Tanjong tidak faham dan mengerti bahawa masalah-masalah ini perlu dibendung. *[Y.B. Tuan Lim Kit Siang meninggalkan Dewan]* Kalau orang tidak mahu mendengar syarahan orang, dia itu bacul.

Seorang Ahli: Hei, jangan keluarlah, duduk.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia 'boh nui'. *[Ketawa]* Tak apa, Kepong ada. Kepong tolong sampaikan kepada dia. Telinga Kepong ini ada baik sedikit. *[Ketawa]*

Jadi, saya mencabar Yang Berhormat dari Tanjong, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat ini menjadi pengkhianat kepada negara pada hari ini dengan menyokong akhbar-akhbar luar negara yang sedang menghancurkan negara kita ini? Kalau beliau ini seorang pembela rakyat, seorang wakil rakyat yang bermaruah, beliau patut menyokong tindakan kerajaan hari ini menentang press asing yang cuba menghancurkan stabiliti perkauman yang baik, kehidupan majmuk di antara satu sama lain. Ini beliau cuba membela akhbar luar, membela kerajaan-kerajaan yang menentang kita. Kuasa-kuasa besar ini menghancurkan perpaduan dan negara kita ini. Inikah seorang pemimpin? Tolong beritahu kepada dia. Kalau beliau tidak layak, beliau jangan jadi wakil rakyat untuk membela negara asing, membela pemberita-pemberita asing, akhbar-akhbar asing. Adakah beliau sanggup menjadi barua kepada mereka dan menghancurkan negara kita ini? *[Tepuk]*

Apa salahnya pemberita-pemberita kita? Mereka juga memberi coverage yang cukup baik. Adakah kita menghina mereka kerana mereka ini pemberita tempatan? Adakah kita menghina mereka kerana berita yang mereka buat itu tidak disambut oleh berita-berita antarabangsa? Tetapi selama kita mencapai kemerdekaan hingga ke hari ini, kita menerima maklumat dan berita terkini daripada pemberita-pemberita tempatan. Kalau kita baca berita-berita asing, kita akan jadi demoralize, kita akan jadi rakyat yang tidak ada pemikiran yang waras, kita tidak mempunyai kepercayaan kepada negara kita sendiri. Kerana inilah, kerajaan buat.....

Datuk Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Senai bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tengah naik semangat ini.

Datuk Lim Si Cheng: Minta penjelasan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay.

Datuk Lim Si Cheng: Baru-baru ini saya difahamkan Presiden DAP juga memberi kepercayaannya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, akan tetapi apabila kita dengar ucapan Yang Berhormat dari Tanjong, Setiausaha Agung Parti DAP, nampaknya dia tak sokong. Jadi, bolehkah Yang Berhormat beritahu kita apa sebab beliau berbuat demikian?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya macam saya katalah, dalam DAP ini sandiwara *[Ketawa]*, wayang 'tongkoi' - lu chai oh. Wayang tongkoi ini dia make-up, dia menyanyi 'chong che, chong che', tetapi apa pun tak ada. Presiden kata lain, Setiausaha kata lain, tak tahulah yang lain-lain. Jelutong pun bagus, dia sudah senyap banyak. *[Ketawa]* Bagus, he is matured now. *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, dia bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay, big brother, beri chance.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang ada disuarakan oleh Dr. Chen Man Hin, apa yang dikeluarkan dalam surat khabar bukan teks yang sepenuh. Apa yang dikatakan dalam, barangkali ini *Utusan on NST*, “*If Dr. Mahathir resign now, it would cause economic instability and a further fall of the Ringgit and the stock market*”. Tetapi ini out of contact. Apa yang ada dinyatakan oleh Dr. Chen Man Hin, kenyataan yang sepenuhnya adalah ini. Pada 6 Oktober tahun ini, saya quote apa yang dikatakan oleh dia, “*At this juncture, the resignation of Dr. Mahathir would not have matters, but would create instability and a further fall of the Ringgit and the stock market*”. Ini tidak ada apa yang berikut sekarang. “*On the other hand, if the Prime Minister persist by over reacting to the crisis to his out-burst in Kuala Lumpur, Hong Kong and Chile, then the crisis would deteriorate and the call for his resignation will rise from the present murmuring to a crescendo. It is vital at this stage to restore confidence in the people and among foreign investors*”. So, kenyataan sepenuh tidak ada disiarkan kepada rakyat. Tidak ada perbezaan di antara pendirian Dr. Chen Man Hin, rakan saya dari Tanjong, saya sendiri atau rakan saya dari Kepong dan lain-lain pemimpin DAP dalam Dewan yang mulia ini. Itu apa yang benar.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja. Kalau surat khabar membuat kenyataan yang tidak betul, pihak DAP ambil tindakan. Kita ada mahkamah. Yang Berhormat pun dok keluar masuk mahkamah dan dok keluar masuk penjara - pergi melawat klien-klien dia, jadi

Yang Berhormat boleh ambil tindakan. Tetapi bagi saya, hari ini saya bangun di sini adalah untuk mempertahankan maruah.

Tuan Yang di-Pertua, maruah ini bukan boleh dijual beli. Ia bukan ada nilai harga. Janganlah kita ini diperalatkan. Sungguhpun negara kita kecil, tetapi kita bermaruah. Kalau kita negara besar pun, kita tidak ada maruah, hendak buat apa? Tengok mana ada negara di dunia macam ini? Orang Melayu, orang Tionghua, orang India, Benggali, Iban, semua boleh duduk dalam satu negara, boleh makan semeja, boleh kahwin tukar - orang Melayu kahwin dengan orang Tionghua, orang Tionghua kahwin dengan orang Melayu, boleh buat semua ini. Yang Singh atau Koh menikah dengan orang Melayu.....

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Parit Buntar bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat dari Yan tentang perception Yang Berhormat dari Tanjong mengenai dengan wartawan tempatan. Sama ada Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak, kebanyakan daripada kita, mungkin termasuklah Ketua Pembangkang, telah dipengaruhi oleh pemikiran yang euro centric, yang menganggap profesionalisme seorang wartawan itu berkait dengan, satu, dia mesti anti establishment. Kedua, dia mesti selalu bangkang sahaja. Maknanya, kalau dia pro establishment ataupun

dia objective, dia tidak profesional. Jadi, profesionalisme itu dianggap sebagai orang itu antikerajaan, dia mesti profesional. Setuju atau tidak pendapat ini?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya bersetuju dengan Yang Berhormatlah. Kalau Yang Berhormat hendak tambah lagi pun, saya bersetuju. *[Ketawa]*, sebab Yang Berhormat dari Tanjong sendiri pun asal dari wartawan juga. Oleh kerana pada hari ini dia dalam parti pembangkang, apa yang dibuat oleh kerajaan yang elok pun dibangkang, yang tak elok pun dibangkang, jadi kita tidak mahu macam itu. Tengok macam Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz, beliau sokong kerajaan. Dalam keadaan macam ini, kita kena bersatu padu menyokong kerajaan supaya.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Machang.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, yang mana? Dua-dua saya beri sekali, boleh Tuan Yang di-Pertua? Hendak jimatkan masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tak boleh, Yang Berhormat, satu sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya minta Pengerusi Backbencher dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bertanya kepada sahabat saya dari Parit Buntar sama ada pihak kerajaan sedar ada satu artikel yang dioriginated daripada *The Nation Bangkok*, surat khabar Inggeris di Bangkok telah dicetak semula di Singapura dan contentnya adalah untuk menimbulkan rasa permusuhan regional terhadap Malaysia.

Jadi, saya hendak tanya adakah saudara Yang Berhormat dari Yan akan mendesak Kementerian Penerangan atau Kementerian Dalam Negeri ataupun Kementerian Luar Negeri supaya melahirkan rasa kecewa kita terhadap sahabat-sahabat sewilayah (regional) yang cuba mengeruhkan lagi suasana dan cuba terus menuding jari menyalahkan kepimpinan Malaysia di dalam hal masalah krisis mata wang dan juga pasaran saham yang sedang kita hadapi sekarang.

Dalam tangan saya ada contohnya, Tuan Yang di-Pertua. Dia mengatakan segala-galanya bahawa Mahathir adalah paling buruk, paling jahat, segala-galanya. Ini dicetak di Singapura dan ini juga dicetak di Bangkok, mempunyai audience rakyat Thailand, mempunyai audience rakyat Singapura sedangkan negara ini satu di utara dan satu di selatan, negara yang berjiran dengan Malaysia, negara yang mana Malaysia membantu beberapa juta ringgit untuk mengatasi masalah krisis di Bangkok.

Jadi, adakah saudara Yang Berhormat dari Yan mahu memanjangkan perkara ini kepada Kementerian Penerangan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri. Hari ini Menteri Luar juga berada di Paris dan

membuat kenyataan-kenyataan yang agak apologetic. Saya rasa tidak payah buatlah kenyataan-kenyataan yang agak apologetic mengenai PM. Apa yang kita cakapkan, kita harus tegas dan Perdana Menteri berdiri tegas atas kenyataannya, seluruh rakyat Malaysia menyokong kenyataan ini. Minta pendapat Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kadangkang kadang manusia macam itulah. Macam Thailand, kita tolong, ini ibarat melepas anjing tersepit. Saya harap pihak DAP pun jangan buat perangai anjing tersepit. Bila jadi perangai anjing yang tersepit, dia gigit balik. Jadi macam saya kata, kita kena tegur kalau yang tidak betul walaupun jiran kita demi kebaikan serantau ini. Tetapi saya nampak Singapura akhir-akhir ini dia naik ekor.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Machang bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sebelum Yang Berhormat pergi lebih lanjut, saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat ada menyentuh pendirian Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan yang jelas memberi sokongan dalam keadaan sekarang, kita menghormati sokongan itu. Tetapi pada masa yang sama, beberapa pemimpin PAS, termasuk wakil rakyat PAS yang mengadakan ceramah-ceramah terbuka, membuat gesaan secara terbuka di

seluruh negeri Kelantan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan jawatan. Seorang Ketua Kerajaan mengatakan bahawa memberi sokongan pada masa ini, ada beberapa pemimpin PAS pula mendesak supaya meletakkan jawatan dan meletakkan semua kesalahan dan kegagalan ekonomi ini ke atas bahu Perdana Menteri. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat mengenai pendirian yang bercanggah seperti ini?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu menunjukkan parti PAS yang tidak ada sistem dan kucar-kacir pemikirannya, Tuan Yang di-Pertua. Dalam kita memimpin ini, kita kena setia kepada pemimpin. Tengok macam Jelutong, kadang-kadang dia bukan setuju sangat dengan Tanjong, tetapi dia tidak kata apa, dia ikut sahaja, saya tahu. Begitu juga Kepong, kadang-kadang hendak bercakap itu tengok muka Setiausaha Agungnya, takut - takut sekali pilihan raya tak lekat. *[Ketawa]* Kata sahaja tak takut, kadang-kadang bila Tanjong masuk, tunduk. Kepada Tuan Speaker pun dia tidak tunduk macam itu, itulah Yang Berhormat Kepong.

Seorang Ahli: Cakap tak serupa bikin.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, inilah sistem yang kita ada dalam Barisan Nasional, iaitu menghormati.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri warning kepada Singapura ini. *[Tepuk]* Jangan main-main. Yan itu besar daripada Singapura, jangan dok 'act' sangat. *[Ketawa]* Saya beri warning kepada pemimpin Singapura supaya jangan kurang ajar dok usik kita.....

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Parit Buntar bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini tengah dok 'bebat' *[Ketawa]*, nanti 'sat', Yang Berhormat. Saya beri warning dan keseluruhan kita beri warning kepada Singapura supaya berbudi bahasa dan tata tertib, kita banyak berjasa kepada dia. Jangan dia ingat dia kecil, dia samseng.

Ini saya hendak beritahu dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Kita hormat sebagai rantau Asia dan sebagainya, tetapi jangan dia dok jentik telinga kita dan kita naik angin, kita bukan kira siapa. Kita tutup pintu Johor itu pun dia sudah kelam-kabut. Ini saya hendak beritahu. Jadi, jangan cuba dok kacau kita di sini. Dalam keadaan kita macam ini, saya seru semua pemimpin, wakil rakyat untuk bersatu kerana kita sedang menghadapi peperangan yang dicipta oleh makhluk yang mempunyai fikiran binatang *[Tepuk]*, yang ingin melihat rakyat susah. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sila. *[Ketawa]*

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih kepada saudara Yan. Saya tertarik hati bersabit dengan kedudukan Singapura ini. Sepertimana yang saya timbulkan tadi, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dalam satu kenyataan di Hong Kong ada mengatakan bahawa bila ditanya tentang pendapat Dr. Mahathir mengenai dengan perlunya diadakan peraturan bagi mengawal perniagaan mata wang ini, beliau berkata, masyarakat dunia

tidak seharusnya berbalik ke belakang. Jadi, implikasi dari kenyataan itu ialah bahawa Goh Chok Tong mengatakan Perdana Menteri kita ini sudah ketinggalan zaman. Jadi, benda ini pula selari dengan editorial yang ditimbulkan oleh saudara dari Parit Sulong tadi yang mengatakan, 'Mahathir has outlived his usefulness'. Maksudnya, 'Mahathir sudah tak guna lagi'. Jadi semua ini, sepertimana yang saya katakan tadi, merupakan satu pakatan (conspiracy) antarabangsa untuk melemahkan Mahathir. Dahulu mereka kata, Mahathir bertanggungjawab tentang kejatuhan Ringgit. Sekarang mereka kata, Mahathir bertanggungjawab tentang kejatuhan semua mata wang di ASEAN. Jadi tidak lama lagi, kalau ekonomi dunia jatuh pun, Mahathir bertanggungjawab terhadap keruntuhan ekonomi dunia. Jadi kalau macam itu, Yang Berhormat Yan bersetujukah Perdana Menteri kita itu punya powerful boleh kontrol dunia? *[Tepuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha, naik semangat. Orang tak terror mana, tetapi itu dia semangat, terima kasih.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Singapura ini dia betul-betul gila talak. Dahulu dia cerai dengan kita, sekarang ini dia hendak balik. Maklumlah, bila kita sudah maju, negara kita bagus, kita advance, dunia luar menghormati kita. Kadang-kadang orang gila talak macam itulah, dia tidur tak boleh, makan tak boleh, ke tandas tak boleh, macam-macam. Singapura ini kita boleh quote sebagai sebuah negara yang gila talak sekarang ini dan dia akan bersama dengan negara-negara lain yang ingin merosakkan kita.

Saya minta akhbar-akhbar tempatan ini tolong boikot DAP kerana dia mengkhianati kita dan juga memandang kecil kepada pemberita-pemberita tempatan. Tidak usah beri coverage kepada DAP, termasuk Kepong sebab dia tidak bangun. Selagi dia tidak bangun sokong, jangan buat coverage kepada dia. *[Ketawa]* Saya bukan pemberita tetapi saya berasa sakit hati kalau rakyat tempatan kita ini yang dok cari makan di negara kita ini boleh kita perkecil-kecilkan. Patutkah kita pandang hina kepada mereka ini? Kalau tidak ada mereka, kita tidak dapat maklumat, orang kampung tidak tahu apa yang terjadi. Adakah DAP mahu surat khabar hari ini menunjukkan di Kuala Lumpur kucar-kacir, beri rakyat takut. Adakah itu yang DAP hendak? Sedangkan rakyat hidup dengan penuh harmoni pada hari ini. Pukul 12.00 malam, 1.00 malam kita boleh turun hendak makan di mana-mana, pergilah boleh makan. Dalam jerebu pun pukul 3.00 pagi orang keluar lagi. Ini sebuah negara yang paling baik yang Tuhan beri kepada kita. Jadi, kalau kita rakyat Malaysia sendiri tidak boleh menjaga, membendung dan juga memberi bantuan kepada pemberita-pemberita asing, media-media asing untuk menghempuk kita balik, akhirnya siapa akan menanggung penderitaan? Anak cucu kita juga. Ini yang tidak ada tolak ansur. Kita, Barisan Nasional tidak akan bertolak ansur dengan keadaan macam ini. Kita akan pertahankan habis-habisan. *[Tepuk]* Kalau DAP cuba main api, kita akan menentang DAP walaupun kita terpaksa berhadapan di gelanggang yang mana kita terpaksa menggunakan 'riang'. Ini tidak ada tolak ansur. Mungkin pemimpin tidak boleh bercakap, tetapi biar saya bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, adakah sedang kita dok susah macam ini depa sanggup lagi menghina Perdana Menteri kita. Adakah Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir tidak membangunkan negara ini? Adakah kita memerlukan beliau semasa beliau memberi kesenangan kepada kita? Bila susah, kita lari? Inilah dinamakan bacul dalam perjuangan. Dalam perjuangan, orang yang coward boleh ditembak, pengkhianat boleh dihukum, tidak payah pergi mahkamah, on the spot kita boleh buat. Tidak ada mahkamah waktu peperangan, selepas perang, baru ada mahkamah. Siapa pengkhianat, no way. Hari ini siapa sahaja pengkhianat yang cuba menghasut di dalam negara kita ini, kita bangun kesemuanya menentang orang-orang ini, tidak kiralah siapa, dia senior atau tidak senior dalam Dewan Rakyat itu lain cerita. Jadi, gambar Dr. Mahathir ini.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, sila Datuk Timbalan Menteri.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasih kepada Yang Berhormat Yan. Saya hendak tambah supaya DAP ini jangan terlupa. Saya lihat tadi wakil dari Tanjong dan Jelutong pun berucap menyokong akhbar luar negara memburuk-burukkan pemimpin kita. Katanya, jika PM bercakap, saham duit pun jatuh. Sebenarnya beliau terlupa sejarah, sebelum PM kita berucap, sebelum PM komen apa-apa, senyap sahaja, saham di Bangkok telah jatuh dan ringgit Baht pun telah jatuh. Sebelum Perdana Menteri kita berucap

pun saham di Jakarta juga telah jatuh dan ringgit Rupiah pun jatuh. Dan wang kita pun jatuh sebelum PM berucap. Oleh kerana itu, Perdana Menteri kita kena beritahu kepada orang ramai bahawa ada pihak-pihak tertentu yang speculate dan manipulate pasaran saham dan juga trading kewangan yang diketuai oleh George Soros.

Ini bererti bahawa bukan kerana ucapan Perdana Menteri maka saham jatuh dan juga Ringgit jatuh, bahkan sebelum itu Ringgit di rantau ASEAN telah jatuh dan Perdana Menteri kita terpaksa tampil ke depan untuk memberitahu kepada dunia bahawa siapakah yang punya angkara sehingga jatuhnya pasaran saham dan Ringgit kita sedangkan kita telah bekerja berpuluh tahun untuk membina negara kita. Inilah yang kita terangkan kepada dunia supaya semua orang buka mata dan akhbar-akhbar luar negara merasa perbuatan kumpulan yang diketuai oleh George Soros ini telah diketahui oleh ramai dan mereka cuba memburukkan Perdana Menteri kita, seolah-olah Perdana Menteri kita bercakap, saham jatuh. Kerana itu saya harap wakil DAP mesti faham di mana bermulanya Ringgit dan pasaran saham jatuh ialah sebelum Perdana Menteri kita berucap. Kerana itulah bila negara kita membangun, ekonomi baik, kita sokong, kita dapat semua nikmat. Tetapi bila kita menghadapi kesusahan begini, kita pula cuba tidak berterima kasih kepada kerajaan kita yang telah banyak berjasa. Kalau begitu, namanya pengecut dan juga penderhaka kepada negara. Saya sokong apa yang Yan katakan, kerana itu

kita harap wakil parti pembangkang dapat melihat kembali sejarah kejatuhan pasaran saham dan juga Ringgit kita di rantau ASEAN baru-baru ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dunia luar ini dia pandang orang Malaysia ini lekeh, koman. Jadi bila Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad pergi ke merata dunia, mereka hormat, rata negeri - dengar ini pembangkang - rata negeri dia pergi dapat Bintang, dia beri ikut leher, ikut tengkok, faham tak? DAP pergi negeri mana boleh dapat Bintang? Tambah PAS, tak usah diharap, pergi ke Arab Saudi pun depa tak beri. Jadi, bagi pemimpin negara kita ini patut kita berasa bangga. Negara dunia ketiga menghormati.

Jadi negara kita ini yang berani menyuarakan keadaan ini, berani mendedahkan nama pengkhianat ataupun penyangkal. Kita patut bangun dan sokong. Kita patut pertahankan maruah Perdana Menteri kita. Kita kena beri sokongan yang kuat. Isu-isu gambar ini jangan dibangkitkan. Hendak bangkitkan apa benda macam ini? Adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada DAP ini tidak menyokong ataupun tidak mahu melihat negara kita maju? Adakah Yang Berhormat tumpang sama dengan negara-negara lain untuk mengkhianati kita, mengkhianati generasi Malaysia kita ini? Saya hendak tanya betul-betul pada petang ini.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [*Bangun*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh, sila.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Yan. Saya ingin tahu, akhir-akhir ini CNN selalu mencerca Perdana Menteri kita, adakah ini datang daripada CNN ataupun dibayar oleh pihak pembangkang untuk membuat perkara ini? *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Pokok Sena, bukan setakat bayar, tetapi informasi pun dia beri keluar, sebab Yang Berhormat baru balik daripada luar negeri. Kita pergi negara mana pun orang hormat, habaq kata Malaysia, kita dok queue, dia kata, you can break the queue, go, you can go to the front. Itu dia punya hormat. Kita pergi ke Mekah, di negeri-negeri Arab, habaq kata Malaysia sahaja, tok Arab yang badan besar pun tunduk kepada kita, punya sayang, punya hormat kepada pemimpin kita. Ini tidak erti bahasa - daripada Tanjong, dua, tiga ekor ini, Tuan Yang di-Pertua, mai dok kutuk kita, ini apa jenis punya manusia, sampai tak ada akal. Orang kampung yang buta huruf pun habaq, kata, hang pi habaq kat DAP tu, jangan dok kata macam ini. Kalau depa naik angin, tak cukup tanah nak lari. Itu depa pesan. Jadi saya harap sungguh-sungguh, yang lain boleh buat, kita boleh tolak ansur, tetapi hendak menghancurkan perpaduan kita dalam negara ini, hendak memandang kecil pemberita-pemberita akhbar-akhbar tempatan ini, yang ini tak ada tolak ansur. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, no way. *[Ketawa]* We do our way.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang lain-lain lagi Yang Berhormat hendak berucap? *[Ketawa]* Sudah ulang-ulang banyak sangat itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Macam mana, sedang bersemangat ini, Tuan Yang di-Pertua, kemudian kawan-kawan pun dok beri semangat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jikalau garam itu bubuh banyak sangat pun, tak sedaplah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, betul, Tuan Yang di-Pertua. Tak apa, saya bubuh air sedikit. Ini saya perbetulkan dengan air balik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah macam BERNAMA pun kena main peranan dengan menyebarkan berita-berita yang sebenarnya, berita-berita yang positif dalam negara kita ini. Bagi akhbar-akhbar tempatan, pemberita-pemberita tempatan jangan berasa kecewa, walaupun orang memandang rendah kepada kita tetapi ingatlah kita ada maruah dan kita pertahankan maruah ini.

Dengan itu, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat pula, apa yang hendak dikatakan.

5.20 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bercakap bagi membincangkan satu akta untuk meminda Akta BERNAMA 1967.

Tujuan awal kerajaan dalam penubuhan BERNAMA berselindung di sebalik menjaga dan mempertahankan kepentingan nasional dari segi keselamatan, keutuhan imej dan antikrasi negara. Apa yang jelas melalui dasar kerajaan hendak mengawal sumber berita luar dan suara kritikan terhadap kerajaan.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pokok Sena bangun itu. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bangun dah? Tak ada apa-apa, bangun dah? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia orang muda, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan, Yang Berhormat dari Tumpat ini berucapkah atau baca *Harakah*? Itu yang saya hendak tahu, sebab saya tengok dia dok baca, esok keluar dalam *Harakah* sama sahaja apa yang dia baca. Jadi saya hendak tahu sama ada dia berucap ataupun dia baca *Harakah* dalam Dewan ini, sebab itu saya bangun awal.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tidak perlu jawab, itu soalan anak-anak. *[Ketawa]*

Apa yang jelas, melalui dasar kerajaan hendak mengawal sumber berita luar dan suara kritikan terhadap kerajaan tidak lebih daripada news blackout,

dengan izin, sama ada dari sumber luar ataupun dalam negeri. Ini adalah ciri-ciri yang menekan suara rakyat dan menyebarkan propaganda untuk mengekalkan kuasa tanpa moral dan wibawa.

Walaupun dalam keadaan tertentu pihak kerajaan sendiri sentiasa menentang dan tidak puas hati dengan media asing terutama media Barat yang bersikap memutar belit dan mengelirukan, namun demikian apa jua amalan media Barat yang ditentang dan dikutuk oleh kerajaan, sebenarnya amalan itu jugalah yang diamalkan di negara ini. Kena sedar, Yan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak minta penjelasan kenyataan Yang Berhormat dari Tumpat. Yang Berhormat kata apa yang ditekan kepada akhbar asing itu sama dengan apa yang ditekan kepada akhbar tempatan. Saya hendak ambil contoh *Harakah [Ketawa]*, *Harakah* ini tidak ada lesen hendak mengedar surat khabar tetapi dijual merata-rata dan pernah memfitnah orang, minta maaf, sampai hari ini kerajaan tidak mengambil tindakan. Cuba Yang Berhormat beritahu, apakah ini maknanya tidak ada lagi kebebasan akhbar dalam negara ini? Sampai hari ini selepas Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri memberi kenyataan bahawa jika dijual lagi akan diambil tindakan, sampai hari ini saya ada bukti masih dijual lagi, tetapi kerajaan tidak ambil tindakan. Kebebasan akhbar yang macam mana lagi Yang Berhormat hendak, cuba beritahu?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Harakah* sekarang dibenarkan untuk dijual kepada ahli sahaja. Saya rasa dukacita di atas tindakan kerajaan di mana pada satu ketika dahulu *Harakah* boleh diedarkan kepada umum, sekarang edaran itu disekat sebegitu rupa. Mana-mana didapati sekiranya *Harakah* dijual kepada tempat umum, maka di sana pihak tertentu akan merampas *Harakah*. Itu adalah ekoran daripada Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini yang mencadangkan supaya *Harakah* diharamkan kerana kononnya ialah *Harakah* ada menyiarkan berita yang seolah-olah berita itu tidak benar tetapi pada hakikatnya apa yang disiarkan oleh *Harakah* itu adalah yang paling benar dan diakui sendiri oleh mereka yang bercakap benar.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Boleh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa Yang Berhormat dari Tumpat ini membuat pengeliruan kerana sebenarnya *Harakah* diluluskan oleh pihak KDN sebagai satu akhbar yang hanya mesti diedarkan kepada ahli. Itu sah dalam permohonan KDN *Harakah*. Maka, adalah salah bagi pihak PAS untuk melanggar syarat-syarat permit itu. Kalau dia benar-benar hendak menjual *Harakah* kepada umum, kata *Harakah* adalah akhbar umum. Mengapa berselindung di sebalik ‘Hanya Untuk Edaran Ahli’ tetapi hendak dijual kepada umum?

Persoalan saya, jangan hendak cuba mengelirukan Dewan dan rakyat dalam hal ini. Saya rasa suara yang sama dia bawa ke seluruh negara, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu motif yang jahat di kalangan pihak PAS. Jadi saya minta Yang Berhormat sahabat saya dari Tumpat tolonglah cakap yang benar kalau *Harakah* itu akhbar yang benar dan berdiri di pihak yang benar. Kalau betul-betul hendak berdiri di atas siratalmustaqim, cakaplah yang benar. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah betul-betul hasrat kerajaan demikian, kenapa saya rasa sudah melebihi 20 kali *Harakah* telah meminta permit dari pihak kerajaan supaya *Harakah* ini boleh dijual kepada umum, tetapi kerajaan tidak mengeluarkan permit. Kenapa kerajaan takut kepada *Harakah*? Saya pun tidak faham kenapa kerajaan takut kepada *Harakah* sedangkan *Harakah* ini sentiasa berada di pihak yang benar dan berkata yang benar dan menyiarkan berita yang benar. [*Boo!*]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Speaker, saya fikir tidak dapat permit, ini pada fikiran saya, kerana dalam *Harakah* ini banyak fitnah, jadi susah. Kalau beri permit, dia keluar lagi fitnah secara berlesen, lagi rosak masyarakat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, UMNO ini tidak boleh sentuh dia, kalau sentuh dia, fitnah selalu. Tetapi yang tidak fitnah itu, mengampu. Macam setengah-setengah Yang Berhormat dalam Dewan ini pengampu. Itulah yang tidak fitnah. Penjilat!

Seorang Ahli: Buruk sangka.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itulah yang tidak fitnah. Apakah kita sebagai seorang manusia mahu menjadi seorang pengampu dan penjilat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kita sebagai seorang manusia diutuskan oleh Allah ke muka bumi ini untuk menegakkan kebenaran, bukan untuk menjadi pengampu dan penjilat!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan. Yang Berhormat Tumpat, minta jalan boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, beri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya sebenarnya tidak mahu terdorong untuk melayan satu tahap pemikiran yang rendah. Saya sekadar mahu katakan inilah contoh satu tahap pemikiran yang rendah di kalangan setengah-setengah wakil pihak pembangkang. Cuma saya hendak pulangkan

pertanyaan Yang Berhormat dari Tumpat, adakah Yang Berhormat menegakkan kepalsuan yang disuarakan oleh pemimpin Yang Berhormat. Jadi saya minta Yang Berhormat berhati-hatilah dengan pertuturan saudara, kerana kita tahu beberapa kriteria kekufuran seorang manusia, salah satunya tidak bercakap yang benar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat, saya ingat biarlah kita bercakap berkenaan dengan rang undang-undang yang di depan kita ini. *[Ketawa]* Janganlah berkenaan lain-lain perkara, tak sedap didengar sangat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tidak perlu saya jawablah.....

Tuan Yang di-Pertua: Bercakap berkenaan dengan apa yang dikehendaki oleh rang undang-undang ini, apa dia, ya?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Dan saya sekali lagi meminta kepada kerajaan supaya membenarkan kepada *Harakah*.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, macam itu elok. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:.....diberi permit kepada *Harakah* dan untuk diedarkan kepada umum.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kita kena minta sebab ini kerajaan, kerajaanlah. Kita bukan kerajaan, kita kena minta ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya harap semua Ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini kena sokonglah.

Tuan Michael Lisa Kaya: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Mas bangun.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta pandangan saudara rakan kita di sebelah sana, saya amat kagum mendengar hujah-hujah dan cara yang begitu bersemangat. Tetapi yang saya ingin.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata 'kagum' ya. [*Ketawa*]

Tuan Michael Lisa Kaya: 'Kagum' lain daripada perasaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tadi saudara Yang Berhormat mengatakan sesetengah pihak ahli di dalam Dewan ini pengampu. Itu satu pandangan yang tidak begitu waras. Kalau beliau ingin supaya *Harakah* diberi lesen, saya minta pandangan, bolehkah pandangan yang begitu diubahkan? Minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap itu perkara yang benar. Takkan kita hendak cari yang lebih benar daripada yang benar, takkan ada. Saya ingat Yang Berhormat boleh faham apa maksud saya. Saya beri pengakuan di sini bahawa saya tidak akan menjadi seorang penjilat, insya-Allah. Saya harapkan kepada rakan-rakan saya juga tidak akan menjadi seorang penjilat dan pengampu. Sekiranya penyakit itu tidak ada, alhamdulillah. Sekiranya penyakit itu ada....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:penyakit itu diubati sedikit demi sedikit, insya-Allah penyakit pengampu dan penjilat itu akan sembuh pada suatu waktu yang akan datang.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tumpat suka sangat menjilat dan mengampu. Saya tidak faham, mungkin Jelutong lebih tahu apa yang dia maksudkan dengan jilat dan mengampu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat ucap benda yang lainlah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Ketawa]* Jelutong kena jawablah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ucap benda yang lainlah, yang elok-elok sedikit.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apa juga amalan media Barat yang ditentang, yang dikutuk oleh kerajaan sebenarnya amalan itu jugalah yang diamalkan di negara ini. Suara-suara kritikan baik dari pihak pembangkang ataupun dari dalam organisasi, agensi kerajaan sendiri amat dimusuhi, disekat dan sebagainya. Contoh paling nyata, teguran yang dibuat oleh bekas Dato' Mufti Selangor yang sekarang sudah ditamatkan kontraknya, dan contoh yang kedua, ulasan media Barat yang mendesak Perdana Menteri meletakkan jawatan. Saya kira kalau kita ini benar, kita ini jujur, kita ini bersih apa yang disebut oleh media Barat tidak akan memberi kesan kepada kita, kalau kita betul-betul seorang yang bersih dan yang jujur. Yang susahya ini *[sambil menunjukkan sticker gambar Perdana Menteri]*. Seolah-olah kalau kita

contohkan seekor ayam, kalau kita tidak melontar sesuatu kepada ayam itu, takkan ayam itu akan ‘mengkiok’, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi ini tidak tahu apa-apa, tahu-tahu kita ‘mengkiok-mengkiok’. Apakah lemparan itu terkena kepada kita? Apakah kita yang makan lada? Kalau kita yang tidak makan lada kenapa kita yang merasa pedas?

Ini bukan Perdana Menteri yang merasa pedas, tetapi kita yang ada di sini yang merasa pedas.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kargar bangun, Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Md. Isa bin Sabu: Bila bercakap, takkan Yang Berhormat dari Tumpat mengadap ke sini. Dia kena mengadap Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua bukan duduk di sini, tetapi di sana. Kami di sini semua ahli Dewan, bukan Tuan Yang di-Pertua, takkan banyak sangat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. [*Ketawa*] Yang Berhormat saya hendak menerangkan iaitu perletakan poster-poster itu dengan tidak setahu Setiausaha Dewan Rakyat. Dia memberitahu kepada saya tadi. Yang sebenarnya begitu kedudukannya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini kerja haram.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak tahu melainkan setelah diberitahu, dan kami....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya minta Tuan Yang di-Pertua kena siasat dan tangkap orang yang terlibat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tak payah cakaplah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, kekebalan dan termasuk juga kedegilan dari monopoli dan kawalan berita luar negeri oleh kerajaan mahu atau tidak sekarang ini terpaksa tunduk kepada kuasa globalisasi ataupun dengan izin, global village yang menghapuskan pelbagai sempadan dan sekatan. Pihak kerajaan juga tidak ada kuasa untuk terus bermaharajalela mengawal minda rakyat untuk sentiasa terbelenggu di dalam dunia tempurung dan propaganda. Oleh itu, kalau pihak kerajaan terlewat meminda peraturan monopoli penyebaran berita terutama daripada luar negara, akhirnya akan ternyata bahawa pihak kerajaan telah ketinggalan zaman atau masih mengekalkan kuasanya secara taktik dan tindakan kuno.

Dunia Islam yang ingin mendaulatkan hukum Islam berpandukan Al-Quran dan Hadis Rasulullah S.A.W., sentiasa dituduh sebagai golongan atau puak pengganas sebagaimana yang dilakukan oleh Barat terhadap Sudan dan Iran, di mana dalam hal ini telah disentuh oleh rakan saya, Yang Berhormat dari Kubang Kerian pada beberapa hari yang lepas. Begitu juga cadangan untuk melaksanakan hukum hudud oleh Kerajaan Kelantan masih mengalami tekanan

dan tidak membantu untuk membebaskan fobia dalam mentaliti masyarakat umum, khususnya di kalangan bukan Islam.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:dan semua adalah akibat momok dan propaganda yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Machang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak peleklah - sabar sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Sabarlah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak peleklah jika undang-undang Islam digambarkan sebagai undang-undang silam oleh setengah-setengah akhbar. Sikap begini adalah tindakan hipokrit dan tepat sebagaimana kata pepatah, 'terkena ke mata dipejamkan, terkena ke perut dikempiskan.' *[Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood terus duduk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tumpat. Tadi Yang Berhormat kata hasrat Kerajaan Kelantan untuk melaksanakan hukum hudud ditekan, tidak mendapat sambutan. Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Tumpat, Yang Berhormat tahukah sekarang ini rang undang-undang itu sudah pun diluluskan oleh Dewan telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Tuanku, kenapa Kerajaan Negeri

Kelantan tidak gezet lagi. Jadi, kalau hendak buat itu, langkah yang perlu dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan ialah wartakan undang-undang itu terus, sudah boleh dilaksanakan. Mengapa Kerajaan Negeri Kelantan tidak berani hendak buat itu sampai hari ini, selepas itu tuduh orang lain pula. Kita tidak buat, kemudian kita tuduh orang lain. Mengapa tidak wartakan rang undang-undang itu sekarang?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, TSTlah. Yang Berhormat dari Machang itu sudah tahu apa permasalahannya. Saya sudah beberapa kali menyebut dalam Dewan ini, dan saya rasa tidak perlu saya sebut pada hari ini. Saya akan teruskan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu, sikap media negara ini terutama selepas pemansuhan kuasa eksekutif, pihak BERNAMA mestilah sensitif terhadap tanggungjawab mempertahankan akidah umat Islam. Selama ini kebebasan media di negara ini tidak nampak mempunyai kebebasan kerana dasarnya adalah semata-mata untuk memuji pemimpin kerajaan. Ini benar Tuan Yang di-Pertua. Contohnya, seorang pengarang di akhbar nasional yang menegur Perdana Menteri menggunakan bahasa Inggeris di Sidang Pergerakan Negara-negara Berkecuali di Jakarta, Indonesia di mana pengarang tersebut akhirnya dikenakan tindakan telah dipecat. Kita tidaklah mengharapkan pimpinan UMNO menegur kerajaan, kerana pandangan yang menegur pihak kerajaan banyak terdapat daripada kalangan pembangkang. Kerana dia adalah parti pembangkang, yang

baik kita tidak akan mengkritik, kita akan menyokong. Apabila kita merasakan sesuatu itu tidak baik, maka kita telah mengguna kuasa yang ada pada kita, maka kita telah menegur pihak kerajaan. Kadang-kadang apa yang kita tegur itu akan dianggap sebagai satu pandangan yang negatif dan ingin memburuk-burukkan kerajaan. Kalaulah sikap ini yang diamalkan oleh kerajaan kita, maka saya percaya dan saya yakin tidak usahlah kita mimpi untuk mencapai satu cita-cita perpaduan yang unggul di kalangan rakyat yang berbagai-bagai bangsa dan agama yang ada di dalam negara kita ini.

Di samping kita menegakkan keadilan di kalangan kita sendiri, kita perlu juga menegakkan keadilan kepada orang lain. Lebih-lebih lagi sikap dan dasar kerajaan sekarang ini kebanyakannya menutup pandangan-pandangan terutama daripada pihak pembangkang, tidak diberi tempat langsung sehingga kadang-kadang berita yang disuarakan oleh pembangkang ini kita dapati di luar negeri. Tetapi dalam akhbar-akhbar tempatan tidak begitu memberi tempat, sedangkan teguran kami itulah maka kami terpaksa menyiarkan dalam *Harakah* walaupun tidak dibenarkan untuk diedarkan kepada umum.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Hulu Langat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebab suara kami disekat, ditahan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang dia siarkan dalam surat khabar nampaknya menyokong kerajaan, itu yang dia siarkan. Sebagaimana yang disebut oleh Yan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata sudah habis ucapan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Belum lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ucap terima kasih buat apa. *[Ketawa]*

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat dari awal saya dengar ucapannya mengatakan tentang kebenaran, tidak ada yang lebih benar daripada yang benar. Tetapi baru sebentar Yang Berhormat dari Tumpat juga mengatakan akhbar-akhbar nasional kita tidak pernah melaporkan tentang kegiatan ataupun peristiwa mengenai pembangkang. Adakah benar itu Yang Berhormat, adakah itu juga termasuk dalam kategori benar dan tidak ada yang lain daripada yang benar. Yang keduanya saya bertanya, kalau kita bandingkan akhbar nasional, kita ambillah *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* dan kita bandingkan dengan *Harakah*, mereka tengok secara jujur dan benar siapa yang cerita tentang siapa dan apa yang lebih banyak tentang apa. Adakah dalam *Harakah* terdapat cerita-cerita yang baik, cerita-cerita kerajaan, kalau Yang Berhormat tidak setuju *Utusan Malaysia* atau *Berita Harian* tidak menyiarkan tentang PAS, bagaimana pula perasaan orang UMNO tidak dapat tempat di dalam *Harakah*? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kerajaan boleh berjanji dengan kita untuk menyiarkan berita-berita kita, kita juga akan berjanji kepada Dewan ini kita akan juga menyiarkan berita-berita daripada pihak kerajaan di dalam *Harakah*. Tetapi apa yang berlaku tidak. Yang disiarkan tidak sebagaimana akhbar-akhbar di luar negeri. Kita tengok nampak lebih demokratik akhbar-akhbar di luar negeri. Cuba kita tengok akhbar-akhbar di England, bagaimana baru-baru ini tentang kisah Puteri Diana, sebelum pada ini pun disiarkan begitu rupa. Tidak ada pun cerita itu dibenarkan, benda realiti, benda yang benar disiarkan, menyerah kepada rakyat untuk berfikir dan menilai mana yang baik dan mana yang buruk. Ini tidak, semuanya dikontrol daripada awal sampai akhir, termasuklah BERNAMA. Sekarang ini BERNAMA hendak dikontrolkan sebegitu rupa. Kalau inilah keadaannya BERNAMA misalnya, maka keadaan BERNAMA tidak akan jadi BERNAMA.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, sama ada disadari atau tidak, ia tidak membantu Perdana Menteri dan kerajaan untuk berhati-hati dan berjaga-jaga tanpa mendengar kritikan rakyat. Kerajaan hanya terdedah kepada pujian dan sokongan yang membawa rebah. Saya bimbang sokong kut mana tak tahu sokong, akibatnya keangkuhan dalam pelaksanaan projek-projek mega menyebabkan pembaziran dan peningkatan defisit dan akhirnya nilai Ringgit jatuh teruk berbandingkan mata wang asing. Begitu juga kenaikan kadar tol. Lepas naik, naik, lepas naik, naik walaupun sudah begitu lama dibantah oleh

rakyat, namun kerajaan lebih mengutamakan pihak pemegang konsesi sehingga inflasi meningkat dan membebankan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang bahawa saya akan dianggap tidak akan menjalankan tanggungjawab sekiranya saya tidak membangkitkan isu mengenai risalah atau pengembangan ajaran Kristian di dalam negara kita ini. Saya tengok dalam *Berita Harian* [sambil menunjuk salinan keratan akhbar] dan dalam *New Straits Times* tidak ada. Ini ada beberapa potong ayat daripada Bible telah disiarkan, dan di atas ini seruan kepada gereja-gereja Kristian di Malaysia untuk mendoakan negara. Kenapa dalam akhbar Melayu disiarkan, dan apa yang disiarkan ini tidak pernah berlaku di zaman sebelum daripada ini. Yang kita lihat berita-berita dalam surat khabar *Star* misalnya, sebelum pada ini pun ada, berita-berita orang Melayu masuk Kristian pernah disiarkan. Tetapi kenapa hal seperti ini sekarang ini mulai disiarkan oleh akhbar-akhbar Melayu? Apakah ramai orang-orang Melayu sudah beragama Kristian?

Sebagaimana yang kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam tidak ada paksaan dalam Islam. Tetapi kita sudah tahu juga bahawasanya agama rasmi di negara kita ini, agama negara adalah agama Islam, dan penyebaran agama Kristian secara terang-terangan ataupun tidak secara terang-terangan tidak dibenarkan di dalam negara kita ini. Di zaman penjajahan kita ingat dalam surat khabar....

Tuan Jimmy Donald: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Sri Aman bangun, Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald: Bolehkah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sabar, sekejap sahaja.

Kita lihat semasa penjajahan pun tidak pernah berita-berita seperti ini disiarkan dalam akhbar Melayu yang berbahasa Melayu. Di zaman sebelum pada ini juga sudah 40 tahun saya ingat tidak pernah hal-hal seperti ini disiarkan. Mengapakah sekarang ini hal-hal seperti ini telah disiarkan. Nanti saya habiskan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya beri kesempatan kepada Yang Berhormat yang ingin bertanya, boleh bertanya.

Sedangkan zaman sebelum merdeka isu pencerobohan terhadap akidah dan ajaran Islam memang disekat walaupun ketika itu pihak kolonial memang merupakan musuh Islam yang amat ketat. Tegasnya dahulu sebaran agama Kristian memang tidak dibenarkan langsung untuk mempengaruhi umat Islam. Sebarang risalah Kristian dalam apa bentuk sekali pun yang boleh mengelirukan akidah dan pemikiran umat Islam adalah disekat dan tidak boleh disebarkan kepada umat Islam.

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ulangi, oleh kerana dasar liberalisasi kerajaan, pihak NECF of Malaysia, dengan izin, telah mengiklankan petikan Bible. Iklan itu dimuat dalam akhbar *Berita Harian* pada hari, iaitu 15 Oktober 1997 secara langsung atau sebaliknya iklan yang berselindung untuk menyokong Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri atau suatu propaganda untuk mengelirukan umat Islam. Dalam isu ini saya

mengharapkan, saya sangat-sangat mengharapkan pihak kerajaan bertindak tegas memperbetulkan keadaan. Akhirnya, perlulah saya tegaskan - ada hendak tanya?

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, rakan dari Tumpat. Saya minta penjelasan dari rakan kita dari Tumpat. Untuk kita di Sabah dan Sarawak, jadi kaum di sana mungkin terdiri dari 30 kaum yang berlainan bahasa. Apabila kita memasuki Malaysia, kita telah beralih dari menggunakan bahasa pengantar dari bahasa Inggeris dalam alam pendidikan kepada Bahasa Malaysia. Oleh kerana itu, murid-murid kalau hendak bercakap, hendak berurusan, hendak menulis surat mereka lebih senang, lebih fasih menggunakan bahasa Malaysia. Kita rasa amat bangga oleh kerana dasar kerajaan untuk mengadakan satu bahasa telah berjaya. Kita juga walaupun kita orang Kristian, kita berasa bangga oleh kerana kita adalah warganegara Malaysia. Oleh kerana kita ini tidak ada pilihan apabila kita dilahirkan, saya dilahirkan sebagai seorang Kristian, kita meneruskan agama kita, kita masih berpegang kepada agama kita, Kristian. Tetapi oleh kerana kita telah dididik melalui Bahasa Malaysia, jadi apabila kita hendak berurusan, kita berurusan melalui Bahasa Malaysia, dan tidak termasuk akal kita hendak memujuk orang lain memasuk agama Kristian. Tiap-tiap pagi hari minggu apabila kita sembahyang kita minta Tuhan kita menjaga semua pemimpin kita. Kita tidak ada hasrat hendakkan semua pemimpin kita menganuti agama Kristian.

Untuk saya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, apakah pendirian kawan saya dari Tumpat, hendakkan kita ini memulaukan Bahasa Malaysia ataupun berbangga apabila melihat orang keturunan Iban, Kadazan, Orang Ulu, Kayan bercakap dalam Bahasa Malaysia? Untuk saya, apabila saya melihat seorang juruacara, juruhebah keturunan Tionghua, keturunan India bercakap dalam bahasa Melayu yang fluent, dengan izin, saya rasa amat bangga. Saya rasa hendak memberi syabas dan tahniah kepada kerajaan kita oleh kerana telah berjaya dalam usahanya hendak mewujudkan satu bahasa di negara kita ini. Apakah pendirian kawan saya dari Tumpat?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itulah saya sebut bahawa dalam isu ini sebab benda ini tidak pernah berlaku sebelum daripada ini. Itu yang saya timbul, sebab dia tidak berlaku.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tidak jawab, tidak ada dalam teks.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Inilah yang kita timbul. Macam risalah gelap ini juga, [*sambil menunjukkan risalah*] yang rasa peliknya dahulu tidak pernah berlaku macam ini, sekarang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya sebutkan tadi, dalam isu ini saya minta pihak kerajaan menggunakan kebijaksanaan untuk kebaikan kita bersama.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [*Menyampuk*]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Mana? Saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, itulah tadi....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak tanya, beri jalankah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta jalan dahulu baru boleh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak jawab dahulu, Yang Berhormat, biarlah dia jawab dahulu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak tanya Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak benarkan Yang Berhormat bangun macam itu. Kena minta kebenaran dahulu, ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia beri jalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah selepas 40 tahun merdeka, Yang Berhormat fikir yang baca *Berita Harian* orang Melayu sahajakah, yang baca *Utusan* orang Melayu sahajakah? Ini bahasa Melayu bukan Bahasa Malaysiakah? Bahasa Melayu bukankah bahasa kepada orang Iban, kepada orang Kadazan dan tidak

sepatutnya Yang Berhormat cakap macam itu, tahukah, saya hendak tanya.

[Tepuk]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Marah nampaknya. Ya, macam *Berita Harian* ia ada edisi Pantai Timur. Macam saya rasa edisi di Sabah dan Sarawak juga ada. Saya rasa kalau benda itu disiarkan untuk Sabah dan Sarawak tidak jadi masalah. Kita kena tengok juga sensibility rakyat dalam satu-satu isu yang kita hendak gunakan. Saya rasa Yang Berhormat kena faham dan saya telah tegaskan tadi bahawa yang pertama saya minta kerajaan memperbetulkan keadaan. Yang kedua, saya minta supaya kerajaan menggunakan kebijaksanaan. Ini yang saya minta, dengarlah.

Tuan Md. Isa bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kangar bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sabar sekejap. Itu yang saya minta, dan saya telah tegaskan bahawa tidak ada paksa dalam agama. Kita hendak masuk agama apa tidak ada masalah apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua: Kangar bangun, hendak beri jalan atau tidak? Jawab yang itu dahulu. Hendak beri?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya hendak habiskan. Saya sudah sebut tadi bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak, Kangar bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Beri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kerajaan kita bijak daripada Tumpat, daripada PAS. Tetapi saya minta adakah Yang Berhormat dari Tumpat boleh tegah Kepong baca surat khabar jawi *Utusan Melayu*. Saya hendak minta supaya Yang Berhormat dari Tumpat tegah Kepong jangan baca surat khabar jawi.

Tuan Yang di-Pertua: Tu-dia. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Semua pakat kepong saya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila. Yang Berhormat, panjang lagi atau tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak panjang, sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Pendekkan, ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya harap kepada Yang Berhormat janganlah menganggap saya - dalam Islam memang bukan maksud saya hendak menghina agama Kristian, bukan.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Putar belit, putar belit!

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat. Apa lagi ada hendak cakap?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya percaya dan saya yakin agama Kristian juga selain daripada agama Yahudi, agama yang

percaya kepada Tuhan, lantaran itulah dalam Islam ini membenarkan orang Islam yang lelaki kahwin dengan orang Kristian dan orang Yahudi. Ini ada mazhab yang berpendapat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sekarang pun kalau Yang Berhormat hendak kahwin, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, benda itu tidak....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itulah toleransi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, benda itu tidak bersangkutan apa yang ditanya tadi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itu ada....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah, Yang Berhormat. Habiskan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Nampak sahaja pandai.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:dalam agama kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Akhirnya perlulah saya tegaskan bahawa kita sebagai umat Islam memang sentiasa mengamalkan sikap toleransi kehidupan beragama. Tetapi dalam menghadapi propaganda dan apa yang saya sebutkan tadi, kita kena berhati-hati jangan sampai kita boleh

terjebak ke dalam lubang yang sama sampai berulang kali. Di samping itu juga saya mengharapkan pihak Malaysia memainkan peranan di dalam Pertubuhan OIC, sebab saya rasa di sana juga pada satu ketika dahulu pernah diputuskan untuk penubuhan satu institusi berita Islam di peringkat antarabangsa, dan saya rasa tidak salah kalau Malaysia di samping mempepolori dalam persoalan yang lain, terutama kepada Perdana Menteri kita. Juga dalam isu penubuhan pusat berita Islam antarabangsa juga saya rasa perlu dimainkan peranan oleh negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong. Yang Berhormat, mintalah kita habiskan hari ini. Biarlah Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Mr. Bean!

5.58 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baiklah, saya akan memendekkan. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perdebatan rang undang-undang ini dengan perasaan hairan, kerana kerajaan menunggu selama 30 tahun untuk menarik balik hak eksklusif menerima berita oleh BERNAMA daripada agensi berita luar negara. Penarikan ini seharusnya dibuat dengan lebih awal lagi. Walaupun sesetengah orang mengatakan bahawa tindakan ini akan menyebabkan kehilangan RM10 juta oleh BERNAMA, kita seharusnya melihat di segi seumpama pasaran bebas dan konsep berdikari serta perkembangan semasa, Tuan Yang di-Pertua,.

BERNAMA sudah pun mempunyai pengalaman yang sangat lama untuk berdikari. Ia memang perlu mempelbagaikan kegiatan-kegiatannya. Hanya menumpu kepada berita-berita sahaja adalah tidak mencukupi untuk hidup subur. Itu saya setuju. Dengan perkembangan baru seperti Koridor Raya Multimedia khasnya MSC dan ekonomi global, hak eksklusif BERNAMA tersebut adalah ketinggalan zaman. BERNAMA mestilah berlagak sebagai sebuah agensi yang dewasa, yang matang untuk menerima penarikan balik hak eksklusif tersebut, seterusnya kerajaan patutlah mengambil keputusan dengan cepat dan tegas terhadap penswastaaan BERNAMA. Di dalam masa terumbang ambing, masa ketidaktentuan ini BERNAMA berada dalam keadaan serba salah dan 450 kakitangannya berasa bimbang. Mereka tidak boleh memainkan peranan yang sepenuhnya, dan kebanyakan pemberita ini mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam dua bahasa. Bakat dan potensi mereka tidak boleh digunakan dengan sepenuhnya.

Saya pun tidak tahu mengapa hidup selama 30 tahun. BERNAMA berada di dalam keadaan yang begitu lemah dan saya pun tidak tahu mengapa kerajaan tunggu sehingga hari ini untuk membentangkan rang undang-undang ini. Mungkin Yang Berhormat dapat menerangkan sebab-musabab yang menunjukkan usaha ini untuk memperbaiki keadaan BERNAMA. Setelah keputusan dibuat oleh kerajaan, BERNAMA boleh disusun semula untuk menjadi sebuah agensi yang moden sejajar dengan masa sekarang. Sementara

itu, kita hendaklah memberi layanan yang baik kepada para pemberita yang profesional, yang jujur, yang adil dan yang menghargai kebenaran.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, bilik berita di Dewan Rakyat yang uzur seharusnya diubahsuaikan secocok dengan zaman komunikasi. Begitu juga dengan BERNAMA moden wajib memelihara semua kakitangannya daripada pelbagai segi, termasuk emolumen dan kebebasan untuk menjalankan tugas dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini BERNAMA telah seringkali dianggap sebagai lidah kerajaan sahaja. Ia patutlah diperlihat sebagai salah satu agensi yang mempertahankan kebebasan media. Kebebasan untuk membincang, kebebasan untuk diskusi adalah dikehendaki untuk menyebarkan dan memelihara kebenaran. Kita haruslah mengelakkan segala jenis kepalsuan dan fitnah sepertimana tadi yang dibincangkan oleh pelbagai pihak untuk mendakwakan bahawa terdapat kepalsuan dan fitnah berita masing-masing. Walau bagaimanapun, semua jenis media boleh mengajar, ia boleh menerangkan dan ia boleh memberi inspirasi.

Tuan Yang di-Pertua, menurut seorang tokoh media Amerika, Edward R. Murrow: *This instrument, TV and other media can teach, it can illumine; yes and it can inspire. But it can do so only to the extent that humans are determined to use it to those ends. Otherwise it is merely wises and lights in a box. There is a great and perhaps decisive battle to be fought against ignorance, intolerance and indifference.* Saya menekankan bahawa dalam

usaha untuk membaiki keadaan media massa di Malaysia kita perlu membasmi kejahilan, ketidapan toleransi dan sikap acuh tak acuh. Sekiranya kita meninjau semua media termasuk akhbar di negara ini kita mendapati bahawa ia tidak mengandungi banyak hal-hal kepentingan awam. Tetapi berita dan cerita kerajaan memang banyak setiap hari, termasuk peristiwa merasmikan tempat sembahyang, merasmikan bangunan dan sebagainya memang banyak yang membolehkan menteri-menteri memaparkan wajahnya menonjolkan diri memang banyak cerita seumpama itu.

Tetapi hal-hal yang lain yang berkepentingan awam kurang. Kerana kekangan-kekangan akhbar sering mengelakkan berita-berita yang dianggap sensitif ataupun diberitahu oleh pihak Kementerian Dalam Negeri bahawa hal-hal sedemikian tidak boleh disiarkan ataupun mesti dilaporkan dalam keadaan berjaga-jaga dan sebagainya. Sebaliknya, kadangkala ruang-ruang dalam akhbar ditumpukan kepada hiburan, sukan, keseronokan dan sensasi sahaja. Saya mengakui bahawa setiap saya bangun dan mendapat akhbar, ruangan yang pertama saya buka halaman yang pertama adalah sukan, kerana itu yang terbaik. Tidak ada kepalsuan ataupun fitnah. Kalau ada pun liputan daripada satu segi dan juga jawapan daripada orang lain yang berasa tersinggung, itu sukan.

Kemudian hiburan, berita dan cerita yang lain susahlah. Seolah-olah kita baca penerangan daripada Kementerian Penerangan sahaja. Itu memang satu masalah yang perlu kita atasi. Saya setuju bahawa kebebasan haruslah disusul dengan tanggungjawab dan etika. Kita tidak mahu sandiwara seperti

peristiwa mending Puteri Diana diulang di Malaysia, saya tidak mahu tengok, kerana masalah media tidak memainkan peranan yang lebih bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, apabila BERNAMA diswastakan kelak, ia seharusnya menegakkan kebenaran, walaupun kegiatan agensi ini dipelbagaikan untuk hidup baik, ia perlu menekankan kebenaran dalam segala liputannya. Menurut Glare Boothe Luce, seorang pemberita diplomat, penulis drama dan ahli politik Amerika pada 21 April 1960, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *“For what is good journalism all about? On a working, finite level it is the effort to achieve illuminating candour in print and to strip away cant. It is the effort to do this not only in matters of state, diplomacy and politics but also in every smaller aspect of life that touches the public interest or engages proper public curiosity. It is the effort to explain everything from a summit conference to why the moon looks larger coming over the horizon than it does when it has fully risen in the heavens. It is the effort, too, to describe the lives of men and women, big and small, close at hand or thousands of miles away, familiar in their behaviour or unfamiliar in their ideosyncracies. It is to use the big words the pursuit of and the effort to state the truth.”*

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kebebasan dan kebenaran agensi seumpama BERNAMA hendaklah juga menyokong konsep seperti masyarakat madani. Pada 8 Oktober 1997, Yang Berhormat dari Parit Sulong telah dijemput bersama-sama dengan ahli panel yang lain termasuk saya untuk menyertai satu forum yang dianjurkan oleh Fakulti Sebaran Am, Institut Teknologi

MARA di Shah Alam. Namanya ada di dalam, apabila di dalam forum itu, Yang Berhormat dari Parit Sulong tidak ada, hilangkan diri. Saya pun tidak tahulah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya inilah manifestasi DAP. Dia tengok saya tidak, dia tidak tanya. Sebenarnya saya telah membentangkan kertas kerja pada pukul 10 pagi selama 1 jam. Jadi, dia hendak membuat satu lagi kekeliruan. Jadi, minta Yang Berhormat dari Kepong bertanggungjawab. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi saya nampak di dalam kertas kerja dan juga di dalam ucapan pada 9 Oktober, Yang Berhormat dari Parit Sulong terhegeh-hegeh bercakap “rabung dengan bahasa raban, bagai pancang digoncang arus”.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bersangkutan apa dengan bil ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada sangkut, kerana dia hendak mengadakan banyak perkara termasuk dia akan adakan satu kajian semula terhadap sebahagian media, bukan keseluruhan media Malaysia, sebahagian sahajalah, kajian semula dan sebagainya. Ia ada menegakkan kebebasan akhbar juga, kebenaran serta masyarakat madani yang disebutkan. Saya ada buat persiapan...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: ...dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong dan banyaklah termasuk kekangan-kekangan media dan pendidikan terus-menerus haruslah diadakan untuk masyarakat Malaysia dan juga saya sebenarnya hendak mencadangkan supaya kita akan kaji semula untuk keadaan media massa di Malaysia, bukan sebahagiannya bagi memperbaiki keadaan media massa di Malaysia. Tetapi kerana masa tidak mengizinkan, memang ada tiga halaman lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mengakhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.13 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, prihatin terhadap usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi berita, tanggungjawab BERNAMA dan membahas Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 1997. Pertama, kita tidak sangkal bahawa memang ada konspirasi oleh media asing dan kuasa asing untuk menggugat kepimpinan negara menerusi saluran media dan kita mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. bahawa bukan hanya ahli-ahli parti, tetapi rakyat mendukung kuat di atas kepimpinan negara. Usaha media asing ini tidak mencapai kejayaan. Malah tentulah kitalah yang akan

menentukan kepimpinan, bukan mereka. Rakyat berada di belakang kita, dan kita mengucapkan syukur.

Pertama, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong supaya penubuhan agensi berita antarabangsa, begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar yang mungkin dimiliki oleh konsortium media negara. Sukalah saya menjelaskan bahawa cadangan penubuhan agensi berita seperti ini adalah cukup baik. Namun demikian, ia memerlukan modal yang besar. Malah tenaga kerja mempunyai kemahiran yang tinggi di dalam bidang kewartawanan. Walaupun kita cukup dengan tenaga ini, tetapi dalam keadaan teknologi yang tinggi, perniagaan berita khususnya media cetak bukanlah merupakan satu perniagaan yang viable, dengan izin. Ia terpaksa melibatkan kepelbagaian dalam bidang-bidang perniagaan yang lain supaya ia menjadi lebih kukuh.

Yang Berhormat dari Parit Sulong juga telah juga mencadangkan supaya media cetak dan media elektronik memainkan peranan untuk membentuk masyarakat madani. Saya ingin menjelaskan bahawa tanggungjawab

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan Timbalan Menteri. Cuma saya memohon supaya diberi satu political leadership yang betul ke arah kewujudan ini. Adakah pihak kerajaan akan memberi political leadership yang betul ke arah kewujudan? Masalah modal, masalah keupayaan, saya rasa they will come naturally sekiranya usaha

ini didukung oleh satu iltizam politik dan kepimpinan politik yang positif terhadap arah ini.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Terima kasih. Dalam konteks ini, perlulah saya nyatakan bahawa kerajaan telah membuat keputusan untuk mengkorporatkan BERNAMA. Apabila keputusan itu dapat dilaksanakan, iltizam politik yang dikehendaki atau yang disebut oleh Yang Berhormat akan dapat dicapai. Soal pengkorporatan BERNAMA ini juga adalah jawapan kepada Yang Berhormat dari Parit Buntar bahawa kerajaan tidak bermaksud untuk mengadakan penswastaan. Usaha sedang dibuat pada ketika ini.

Menjawab cadangan Yang Berhormat dari Parit Sulong sebelum ini saya nyatakan bahawa peranan untuk membentuk masyarakat madani adalah tanggungjawab bersama antara kerajaan dengan orang ramai. Oleh kerana itu peranan media cetak dan elektronik pula adalah antara lain berfungsi menyalurkan maklumat, turut menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang kita citakan itu. Usaha ke arah itu akan terus dibuat dan dipertingkatkan sejajar dengan saranan Ahli Yang Berhormat.

Mengenai cadangan program latihan kewartawanan remaja yang serasi dengan kehendak bangsa, agama dan tanah air seperti yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong minggu yang lalu, saya ingin menjelaskan bahawa institut pengajian tinggi awam dan swasta telah menyediakan latihan asas dalam bidang kewartawanan. Syarikat-syarikat media cetak pula haruslah antara lain bertanggungjawab dalam membangunkan tenaga kerja mahir dalam

bidang kewartawanan. Saya percaya pengemblengan usaha-usaha ini akan menjurus ke arah kelahiran wartawan yang mahir dalam sesuatu bidang kewartawanan.

Berkaitan dengan penambahan rancangan bercorak pendidikan dan maklumat, sebaliknya mengurangkan hiburan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, ingin saya jelaskan bahawa usaha sedang dan akan diteruskan bagi mempelbagaikan rancangan-rancangan media elektronik ke arah menyalurkan maklumat dan mendidik. Justeru itu, rancangan hiburan muzikal di RTM1 dan RTM2 hanya sebanyak 4.8% sahaja, manakala hiburan yang lain berbentuk drama dan kuiz.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian supaya meningkatkan peranan BERNAMA supaya lebih authoritative, dengan izin, dan juga mengeluarkan wartawan-wartawan yang berkaliber. Saya ingin menjelaskan bahawa semua laporan yang dibuat oleh BERNAMA sememangnya tepat dan lengkap. Fungsi BERNAMA hanya melapor dan bukan mengeluarkan wartawan. Walau bagaimanapun, usaha sedang dan akan ditumpukan untuk mempertingkatkan kemahiran dan profesionalisme wartawan BERNAMA.

Yang Berhormat dari Parit Buntar juga menyebut soal kebimbangan beliau berhubung dengan implikasi penarikan hak-hak eksklusif yang akan mengurangkan hasil pendapatan BERNAMA, selama ini RM10 juta. Saya ingin menjelaskan bahawa usaha sedang dilaksanakan untuk menyediakan satu

cadangan pakej yang boleh mendapatkan pendapatan tambahan dan seterusnya menjamin viability BERNAMA untuk dikorporatkan.

Yang Berhormat dari Kepong menyentuh cadangan untuk memperbadankan atau menswastakan BERNAMA, saya sudah jawab bahawa kerajaan telah membuat keputusan untuk mengkorporat BERNAMA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan, pendek sahaja.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed Tuan Yang di-Pertua, bill ini hendaklah diluluskan pada hari ini juga. Jadi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Ada masa, 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN) 1997

Bacaan Bagi Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan On]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membentangkan rang undang-undang yang dinamakan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1997 (Pindaan) bagi bacaan kali yang kedua dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Peperiksaan Malaysia telah ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun dengan berkuatkuasanya Akta 225, iaitu Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980. Badan ini telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mengelolakan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Setakat ini Majlis Peperiksaan Malaysia telah dengan jayanya telah mengendalikan sebanyak 15 kali peperiksaan sejak tahun 1982, iaitu selepas peperiksaan ini diambil-alih daripada University of Cambridge Local Examinations Syndicate.

Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 yang berkuatkuasa sekarang telah dipinda sekali, iaitu pada tahun 1985. Ketika itu pindaan ini dibuat adalah untuk memberi peruntukan khususnya tentang pemeliharaan keselamatan peperiksaan. Oleh itu, pindaan yang dibuat adalah tertumpu kepada hal-hal berhubung dengan pemilikan, penyimpanan dan pengawalan bahan-bahan sulit peperiksaan seperti kertas soalan. Pindaan juga dibuat tentang penalti-penalti yang dikenakan kepada mereka yang menyeleweng atau sesiapa berniat jahat hendak membocorkan kertas soalan.

Kali ini saya akan membentangkan pindaan yang kecil sahaja kepada Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, pindaan ini menyentuh dua perkara sahaja iaitu berkaitan dengan tarif dan tata tertib terhadap pegawai dan penjawat Majlis Peperiksaan Malaysia. Kesemuanya ini telah diteliti oleh Jabatan Peguam Negara dan Jemaah Menteri. Akhirnya adalah seperti yang terkandung dalam Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997 yang telah pun diedarkan kepada Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin mengulas dan menjelaskan pindaan dan tambahan kepada Rang Undang-undang Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997 perkataan 'Kumpulanwang' seperti yang disebut dalam Seksyen 17 akta Ibu telah tidak diberi takrifan dalam akta ini. Oleh itu, Seksyen 2 dalam akta Ibu hendaklah dipinda dengan memasukkan takrifan 'Kumpulanwang' dalam seksyen ini.

Dalam Seksyen 16 akta Ibu hanya menyatakan bahawa Majlis boleh melantik pegawai dan penjawat mengikut apa-apa hak dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dengan kelulusan menteri. Peruntukan ini tidak langsung menyatakan tindakan tata tertib yang boleh diambil oleh Majlis terhadap pegawai dan penjawat yang dilantikkannya sekiranya mereka melakukan kesalahan tata tertib. Oleh itu, satu enabling provision, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di dalam akta Ibu hendaklah dibuat bagi tujuan memperkemas dan memperlengkapkan peruntukan ini khususnya berhubung dengan kelakuan dan tata tertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Majlis Peperiksaan Malaysia.

Seksyen baru 16A yang dicadangkan memberi kuasa kepada Majlis bagi menjalankan kawalan tata tertib kepada semua pegawai dan penjawat yang dilantikkannya. Bagi tujuan ini, Majlis hendaklah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tata tertib.

Seksyen baru 16B yang dicadangkan memberi peruntukan kepada pegawai dan penjawat Majlis membuat rayuan. Ini bertujuan untuk memberi ruang kepada pegawai dan penjawat Majlis yang telah diambil tindakan oleh jawatankuasa tata tertib mengemukakan rayuan demi untuk menegakkan keadilan. Menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib boleh mengesah atau mengubah keputusan yang telah dibuat oleh jawatankuasa tata tertib yang berkenaan.

Seksyen baru 16(3) yang dicadangkan memberi peruntukan untuk menubuhkan Lembaga Rayuan Tata tertib. Lembaga ini dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia dengan tiga orang ahli Majlis yang lain yang bukannya anggota jawatankuasa tata tertib.

Seksyen 16B yang dicadangkan memberi kuasa kepada Majlis dengan kelulusan menteri membuat peraturan-peraturan tentang tata tertib. Peraturan-peraturan ini menetapkan jenis-jenis kesalahan tata tertib dan juga mengadakan peruntukan tentang hukuman yang difikirkan sesuai untuk dikenakan kepada pegawai dan penjawat Majlis yang melanggar tata tertib.

Seksyen baru 16E yang dicadangkan memberi kuasa kepada Majlis mengenakan surcaj kepada pegawai dan penjawat Majlis sama ada sedang atau pernah berkhidmat dengan Majlis dan mereka ini tidak menguruskan dengan betul hal-hal kewangan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Ada sedikit sahaja, saya ingat dua minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit tidak boleh, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Kalau tidak boleh, okay.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung hari lain.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Okay, saya akan sambungkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 4.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.